



# PENGURUSAN DAN PROSPEK EKONOMI

LAPORAN EKONOMI **2013/2014**



# Pengurusan dan Prospek Ekonomi

## Tinjauan

Ekonomi Malaysia telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan sejak pelancaran agenda transformasi negara pada 2010 dan kini berada di landasan yang betul untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Prestasi KDNK telah menunjukkan pertumbuhan yang kukuh dengan keadaan pengangguran yang rendah dan inflasi terkawal. Hasil daripada agenda transformasi serta pelaksanaan berbagai inisiatif lain, permintaan domestik, khususnya pelaburan dan penggunaan swasta semakin meningkat sebagai pemacu pertumbuhan negara. Sementara itu, struktur eksport yang lebih pelbagai telah meningkatkan lagi perdagangan serantau. Dengan struktur ekonomi yang lebih seimbang, Malaysia telah berjaya mencapai pertumbuhan kukuh sebanyak 4.2% dalam tempoh separuh pertama 2013, walaupun persekitaran ekonomi global semakin mencabar dan tidak menentu. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar yang lebih kukuh dalam tempoh separuh kedua untuk mencapai pertumbuhan keseluruhan 4.5% – 5% pada 2013, berikutan kekuatan ekonomi domestik yang berdaya tahan dan prospek pertumbuhan yang lebih baik di Amerika Syarikat (AS), Jepun dan China. Pertumbuhan ini disokong oleh asas makroekonomi yang mantap serta dasar kewangan dan fiskal yang akomodatif.

Pelaksanaan Bajet 2013 telah mengukuhkan lagi agenda transformasi melalui pelbagai program dan projek. Selain mensasarkan matlamat ke arah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, agenda tersebut juga bertujuan memastikan rakyat mendapat faedah yang semaksimum daripada pelaksanaan projek pembangunan. Bajet 2013 seterusnya memberi tumpuan kepada usaha memastikan pertumbuhan ekonomi yang

mampu dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Bagi memastikan kewangan awam yang kukuh dalam jangka panjang, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) pada Jun 2013.

Pada 2013, aktiviti pelaburan domestik telah dirancakkan dengan pelancaran Projek Pembangunan Bersepadu Penapis Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Projek RAPID tersebut akan membolehkan Malaysia menjadi pemain global utama dalam industri hiliran minyak dan gas (O&G). Pelaksanaannya juga akan mewujudkan pelbagai peluang ekonomi kepada masyarakat setempat. Perniagaan kecil juga telah mendapat manfaat daripada Bajet 2013, khususnya melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) yang menyediakan peruntukan sebanyak RM180 juta.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 telah dilancarkan pada September 2013 untuk mengukuhkan sistem pendidikan dan latihan negara. Strategi ini akan melengkapkan belia dengan kemahiran dalam menghadapi cabaran sengit abad ke-21, serta meningkatkan kualiti perkhidmatan guru. Dalam memanfaatkan inovasi sebagai pemacu pertumbuhan, Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk memupuk budaya inovasi dan meningkatkan produktiviti. Sementara itu, di bawah Program Transformasi Komuniti (CTP), pelbagai pusat transformasi diwujudkan termasuk Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) serta Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC) diperkenalkan pada 2013. Pelbagai perkhidmatan telah di sediakan di bawah satu bumbung demi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Usaha Kerajaan untuk mentransformasikan ekonomi negara telah mendapat pengiktirafan

badan antarabangsa. Pada 2013, Malaysia telah memperbaiki kedudukan daripada tangga ke-18 kepada tangga ke-12 dalam Laporan *World Bank's Ease of Doing Business 2013*. Dari segi akses kepada kredit, Malaysia telah menduduki tempat pertama selama lima tahun berturut-turut (2009 – 2013). Sementara itu, Forum Ekonomi Dunia melalui *Global Competitiveness Report 2013 – 2014* telah mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai negara kedua paling berdaya saing dalam kalangan negara anggota ASEAN, dan ketujuh dalam kalangan 25 negara Asia Pasifik.

Pelaksanaan pelbagai inisiatif di bawah Bajet 2013 akan terus mengekalkan momentum pertumbuhan dan meningkatkan daya tahan ekonomi negara. Untuk menuju ke hadapan, usaha akan terus dipercepatkan bagi mengukuhkan daya saing ekonomi Malaysia dengan meningkatkan inovasi, produktiviti dan kecekapan. Selaras dengan usaha konsolidasi fiskal yang berterusan, peranan sektor swasta menjadi semakin penting sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi. Dalam melaksanakan peranan sebagai penggerak aktiviti ekonomi, Kerajaan akan terus menambah baik penyampaian perkhidmatan serta memastikan ekosistem yang kondusif bagi pengembangan aktiviti sektor swasta, terutamanya dalam meningkatkan nilai tambah. Bagi mengukuhkan sumbangan sektor luar, usaha akan diteruskan untuk menggalakkan lagi eksport perkhidmatan serta pelaburan dalam industri strategik berorientasikan eksport. Usaha ini dapat memastikan Malaysia berada dalam kedudukan terbaik untuk memanfaatkan peluang baharu dalam pasaran global yang mencabar.

## Penilaian Prestasi – 2013

Pengurusan makroekonomi Malaysia terus memberi tumpuan kepada usaha untuk menyokong pertumbuhan dan mempercepat proses transformasi negara selain memastikan kedudukan kewangan awam yang mampan. Walaupun menghadapi persekitaran luar yang mencabar, ekonomi negara telah berkembang 4.2% dalam tempoh

separuh pertama 2013 dipacu oleh permintaan domestik yang mantap dan disokong oleh asas ekonomi yang kukuh serta dasar kewangan yang akomodatif. Berikutan usaha transformasi ini, sumber pertumbuhan menjadi lebih pelbagai dengan sektor swasta memainkan peranan yang penting dalam ekonomi. Meskipun ekonomi terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang stabil, masih terdapat pelbagai isu penting yang perlu ditangani, terutamanya kenaikan harga rumah dan paras hutang isi rumah yang tinggi serta pengurangan jurang lebahan imbangan akaun semasa.

## Operasi Fiskal

Kerajaan terus komited untuk mengukuhkan lagi kewangan sektor awam, walaupun berhadapan dengan ketidakpastian dan cabaran persekitaran luar. Sumber fiskal akan digunakan secara berhemat untuk mengekalkan momentum pertumbuhan dan menyokong usaha bersepada dalam mempercepatkan transformasi ekonomi jangka panjang.

Walaupun terdapat komitmen perbelanjaan tambahan pada 2013, terutamanya subsidi bahan api dan peluasan pemberian tunai, defisit fiskal dijangka berkurangan kepada 4.0% daripada KDNK (2012: -4.5%) dengan nisbah hutang kepada KDNK pada 54.8%. Defisit ini akan dibiayai melalui sumber domestik memandangkan terdapat mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan. Jumlah perbelanjaan Kerajaan dijangka lebih tinggi sebanyak 3.5% kepada RM261.3 bilion, disokong oleh peningkatan prestasi hasil dan pengurusan perbelanjaan yang lebih baik. Kecergasan aktiviti pelaburan yang mampan, penggunaan swasta yang berdaya tahan dan harga komoditi yang stabil dijangka meningkatkan hasil Kerajaan Persekutuan sebanyak 6% kepada RM220.4 bilion, justeru mengukuhkan lagi kedudukan fiskal.

Beberapa inisiatif utama telah dilaksanakan untuk memperkuuh kewangan sektor awam serta memastikan kemampaman fiskal dan

kestabilan makroekonomi jangka panjang negara. Penubuhan Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) telah diumumkan pada pertengahan 2013 untuk menyediakan panduan yang lebih menyeluruh serta menetapkan hala tuju pengurusan fiskal negara. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dianggotai oleh beberapa Menteri Kabinet dan ketua agensi pusat utama. Sejak ditubuhkan, FPC telah bermesyuarat beberapa kali bagi membincangkan cadangan untuk memastikan dan mengambil langkah yang berhemat bagi menangani cabaran fiskal dalam tempoh terdekat dan jangka panjang. Memandangkan kepentingan ini, FPC telah menegaskan sekali lagi komitmen Kerajaan untuk mencapai defisit fiskal hampir 3% daripada KDNK pada 2015 dan bajet berimbang pada 2020. Urusan FPC disokong oleh Pejabat Dasar Fiskal (FPO) di Kementerian Kewangan sebagai sekretariat teknikal. FPO juga berperanan dalam membuat analisis berkaitan penggubalan polisi dan strategi fiskal; rangka kerja fiskal jangka sederhana; penilaian risiko fiskal dan pengurusan hutang.

Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan keberkesanannya dan kecekapan dalam perbelanjaan dan kutipan hasil. Dari aspek perbelanjaan, rasionalisasi subsidi telah diteruskan semula selepas kali terakhir pada Disember 2010. Subsidi gula telah dikurangkan sebanyak 20 sen sekilogram kepada RM2.50 berkuat kuasa 29 September 2012 bagi menggalakkan gaya hidup sihat dan mengurangkan penyeludupan gula.

Subsidi bahan api juga telah dikurangkan sebanyak 20 sen berkuat kuasa 3 September 2013 menyebabkan harga runcit RON95 dan diesel meningkat kepada RM2.10 dan RM2.00 seliter. Bagi mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas, Kerajaan akan meningkatkan pemberian bantuan tunai dalam Bajet 2014. Usaha akan dibuat untuk memastikan subsidi bahan api adalah lebih bersasar. Bagi tujuan ini, usaha sedang dilakukan untuk melaksanakan jaringan keselamatan sosial

yang menyeluruh pada 2015. Harga runcit RON97, bahan api gred premium, kekal diapungkan secara terurus tertakluk kepada perubahan harga antarabangsa.

Langkah berterusan untuk memastikan disiplin fiskal dalam perbelanjaan tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan termasuk: penggunaan asset Kerajaan secara optimum; penggunaan teknologi maklumat (IT) secara intensif dalam penyampaian perkhidmatan awam; pengejatan saiz perkhidmatan awam; pengurangan perbelanjaan tidak kritikal; dan penggalakan kerjasama meluas antara agensi dalam melaksanakan program. Sementara itu, pelaksanaan projek pembangunan secara *rolling plan* setiap dua tahun memberi fleksibiliti dalam pengurusan sumber. Projek pembangunan bernilai lebih RM50 juta tertakluk kepada pengurusan nilai bagi memastikan nilai wang setimpal dan perbelanjaan yang produktif. Pelaksanaan projek dipantau dengan teliti manakala kaedah dan peraturan perolehan barang dan perkhidmatan, termasuk melalui e-bidaan, sentiasa diperkemas bagi memastikan ketelusan dan kecekapan kos.

Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan kemampaman fiskal dalam jangka panjang termasuk kajian semula insentif fiskal kepada industri; pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan bermula 2015 dan pelaksanaan Belanjawan Berasaskan Outcome (OBB) yang memberi tumpuan kepada pencapaian outcome. Program OBB ini telah dimulakan oleh semua kementerian melalui penyediaan kerangka keberhasilan dan cadangan bajet secara dalam talian. Bagi menangani isu kualiti data, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah dipilih sebagai perintis untuk memperkemas kerangka keberhasilan yang kemudiannya akan dijadikan contoh kepada kementerian lain. OBB akan membantu penggubalan dasar dan pelaksanaan program yang lebih baik serta mengoptimumkan penggunaan sumber.

Langkah bagi meningkatkan kutipan hasil akan terus diberikan tumpuan kepada usaha meluaskan asas cukai, menambah baik pentadbiran cukai, menggalakkan pematuhan cukai yang lebih tinggi dan mempergiat pendidikan cukai. Pengewangan aset Kerajaan akan diteruskan melalui penjualan, pajakan atau pembangunan secara usaha sama, manakala aset bukan teras dalam syarikat milik Kerajaan akan dilupuskan untuk merangsang pewujudan nilai dan pelaburan swasta. Usaha bersepadau oleh Kerajaan untuk mengurangkan pembaziran, menggalakkan perbelanjaan produktif dan meningkatkan prestasi hasil akan membantu memperkuuh kewangan sektor awam. Langkah ini akan menyediakan ruang fiskal yang lebih besar bagi memenuhi komitmen baharu yang mendesak bagi menghadapi cabaran dalam ketidaktentuan persekitaran global; serta melaksanakan pembaharuan struktur bagi meningkatkan keupayaan produktif ekonomi.

## **Perkembangan Monetari dan Kewangan**

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, dasar monetari memberi tumpuan untuk menyokong pertumbuhan dalam persekitaran ekonomi global yang terus lemah dan tidak menentu. Dengan kadar inflasi yang terus rendah, Kadar Dasar Semalamian dikekalkan pada 3.00% dan Keperluan Rizab Berkanun pada 4.00%.

Walaupun ekonomi domestik terjejas disebabkan oleh persekitaran luar yang berterusan lemah, pembiayaan melalui institusi kewangan dan pasaran modal terus berkembang tetapi pada kadar sederhana untuk menyokong pengembangan aktiviti ekonomi bagi tempoh tujuh bulan pertama 2013. Seterusnya, pasaran kewangan global mengalami peningkatan volatiliti pada suku kedua 2013 disebabkan oleh ketidaktentuan dalam pelarasan dasar monetari di negara maju. Walau bagaimanapun, ketika volatiliti dalam pasaran kewangan global dan domestik meningkat, sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan

dengan institusi kewangan yang teguh serta mempunyai permodalan kukuh, dan pengantaraan kewangan terus berfungsi secara berkesan untuk menyokong aktiviti ekonomi domestik. Pada akhir Ogos 2013, sistem perbankan mencatatkan tahap nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 pada 12%, nisbah modal kumpulan 1 pada 12.8% dan nisbah jumlah modal pada 14.1%. Tahap ini adalah jauh melebihi tahap minimum kawal selia di bawah rangka kerja kecukupan modal Basel III yang telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2013.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, pasaran sukuk global berkembang 32.6% berbanding tempoh yang sama tahun 2012. Malaysia telah menarik minat penerbit asing bagi meneroka pasaran sukuk domestik berikutan tahap kecairan dalam pasaran sukuk yang tinggi. Sehubungan dengan itu, Malaysia terus menjadi peneraju terbitan sukuk global yang mencakupi 70.5% atau USD53 bilion daripada sukuk yang diterbitkan di seluruh dunia. Pada akhir Ogos 2013, Bursa Malaysia berada pada kedudukan teratas bagi penyenaraian sukuk yang berjumlah USD32.3 bilion.

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) telah berkuat kuasa pada 30 Jun 2013 bagi mengukuhkan lagi rangka kerja pengawalan dan penyeliaan sektor kewangan. FSA dan IFSA menggabungkan beberapa undang-undang yang berasingan bagi mengawal sektor kewangan di bawah rangka perundangan tunggal untuk sektor kewangan konvensional dan Islam. Sehubungan dengan itu, Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (BAFIA), Akta Bank Islam 1983, Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 telah dimansuhkan pada tarikh yang sama.

Satu lagi peristiwa penting dalam pembangunan industri kewangan Islam ialah penjenamaan identiti baharu iaitu "Malaysia: Pasaran Kewangan Islam Dunia" yang diperkenalkan oleh Perdana

Menteri pada Ogos 2013 kepada masyarakat antarabangsa dengan jemputan terbuka kepada komuniti kewangan global untuk berkolaborasi dan mendapat faedah bersama daripada pasaran kewangan Islam Malaysia yang lengkap dengan rangka kerja regulatori, penyeliaan, Shariah dan undang-undang yang komprehensif. Di samping itu, pasaran ini bercirikan pasaran utama yang mendalam dan pasaran sukuk sekunder yang aktif, mekanisma penentuan harga yang cekap, tenaga mahir bertaraf dunia yang pelbagai dan sistem penjelasan dan penyelesaian pelbagai mata wang yang cekap.

## Pencapaian Strategik Bajet 2013

Penggubalan Bajet 2013 dengan tema “Memakmur Negara, Mensejahtera Rakyat: Sebuah Janji Ditepati” menunjukkan keazaman Kerajaan untuk menjana kekayaan negara, serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat dengan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan pelaksanaan perbelanjaan berhemat bagi mengurangkan defisit fiskal. Lima bidang fokus telah dikenal pasti dalam Bajet ini iaitu merangsang aktiviti pelaburan; memperkasa pendidikan dan latihan; membudaya inovasi dan meningkat produktiviti; konsolidasi fiskal dan mempercekap penyampaian perkhidmatan awam; serta mensejahterakan rakyat.

### Fokus Pertama: Merangsang Aktiviti Pelaburan

Kejayaan negara dalam mencapai pertumbuhan ekonomi yang berterusan sebahagiannya bergantung kepada keupayaan merangsang aktiviti pelaburan. Sehubungan dengan ini, beberapa inisiatif telah diumumkan dalam Bajet 2013 iaitu menggalak pelaburan domestik; mempergiat perusahaan kecil dan sederhana (PKS); merancak sektor pelancongan; meningkatkan aktiviti pertanian; mengekalkan jaminan bekalan makanan; membela nasib petani dan nelayan; mencergaskan pasaran modal dan kewangan; serta membangunkan usahawan Bumiputera. Aktiviti

pelaburan terus memberangsangkan dengan peningkatan jumlah pelaburan sebanyak 9.3% dalam tempoh enam bulan pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 20.7%) didorong oleh pertumbuhan 11.8% dalam pelaburan swasta benar.

### *Menggalakkan Pelaburan Domestik*

Selaras dengan komitmen Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan domestik dan menarik lebih banyak penyertaan syarikat Malaysia dalam rantaian bekalan global, Bajet 2013 telah memperuntukkan RM250 juta bagi penubuhan Dana Strategik Pelaburan Domestik. Dana ini disasarkan kepada syarikat Malaysia yang terlibat dalam industri bernilai tinggi dan khusus seperti aeroangkasa, peralatan perubatan, farmaseutikal, elektronik termaju, jentera dan peralatan, tenaga boleh diperbaharui serta perkhidmatan seperti aktiviti berkaitan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan reka bentuk. Sehingga Julai 2013, geran bernilai RM220.5 juta telah diluluskan kepada 36 syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.1 bilion yang tertumpu kepada beberapa bidang termasuk elektrik dan eletronik (E&E), perkhidmatan, pengangkutan dan sains, serta mesin kejuruteraan yang termaju.

### *Mempergiat Perusahaan Kecil dan Sederhana*

Kerajaan telah melancarkan Pelan Induk PKS pada 12 Julai 2012 bagi mempercepat sumbangan PKS kepada ekonomi negara. Pelan Induk PKS yang melibatkan pelaksanaan 32 inisiatif termasuk enam program berimpak tinggi, dijangka meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi daripada 32% pada 2010 kepada 41% menjelang 2020. Inisiatif ini juga akan meningkatkan sumbangan PKS kepada guna tenaga daripada 59% pada 2010 kepada 62% menjelang 2020; dan meningkatkan eksport negara daripada 19% kepada 25% dalam tempoh yang sama. Selain itu, dengan matlamat memperkuuh peranan PKS dan memperluas kawasan industri di seluruh negara, dana RM1 bilion diperuntukkan di bawah Skim Pembangunan PKS. Skim ini dikendalikan oleh Bank SME bagi memudahkan akses PKS

## Akta Persaingan 2010

### Pengenalan

Akta Persaingan 2010 (AP 2010) yang telah dikuatkuasakan pada Januari 2012 merupakan undang-undang persaingan pertama yang komprehensif di Malaysia. Pengenalan akta persaingan adalah berikutan langkah mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing iaitu salah satu daripada Inisiatif Pembaharuan Strategik di bawah Model Ekonomi Baru. Dengan pelaksanaan AP 2010, Malaysia merupakan antara beberapa negara di dunia yang mempunyai undang-undang persaingan. AP 2010 ini bermatlamat untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dan melindungi kepentingan pengguna. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah ditubuhkan sebagai sebuah badan bebas untuk melaksanakan dan menguatkuasakan AP 2010.

### Skop AP 2010

#### *Aktiviti Yang Dirangkum*

AP 2010 merangkumi semua aktiviti komersial di dalam dan luar Malaysia yang mempunyai kesan terhadap persaingan dalam pasaran domestik. Semua entiti perniagaan di Malaysia yang terlibat dalam aktiviti komersial tertakluk kepada Akta ini termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan badan berkanun.

#### *Aktiviti Yang Tidak Dirangkum*

Aktiviti yang tidak dirangkum di bawah AP 2010 adalah aktiviti yang melibatkan penjalanan kuasa kerajaan; aktiviti yang dijalankan selaras dengan prinsip perpaduan; dan pembelian barang atau perkhidmatan yang bukan bertujuan untuk penjualan atau pembekalan semula. AP 2010 tersebut juga tidak terpakai bagi aktiviti komersial yang dikawal selia di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dan Akta Suruhanjaya Tenaga 2001.

### Bidang Utama Peraturan

Akta ini mengawal selia aktiviti perniagaan melalui dua bidang utama peraturan iaitu larangan ke atas amalan antipersaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan dalam pasaran.

#### *Perjanjian Antipersaingan*

AP 2010 melarang perjanjian mendatar dan menegak antara perusahaan yang mana perjanjian itu mempunyai objektif untuk menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam sebarang pasaran bagi barang atau perkhidmatan. Perjanjian antipersaingan termasuk penetapan harga; perkongsian pasaran atau sumber bekalan; mengehadkan atau mengawal pengeluaran; dan penipuan bidaan.

#### *Penyalahgunaan Kedudukan Dominan*

Akta ini tidak menghukum sesebuah perusahaan kerana kedudukannya yang dominan. Walau bagaimanapun, akta tersebut melarang mana-mana perusahaan sama ada secara individu atau kolektif dengan perusahaan lain, daripada terlibat dalam sebarang perlakuan pasaran yang boleh dianggap sebagai penyalahgunaan kedudukan dominan. Perlakuan ini termasuk mengenakan harga belian atau jualan yang tidak adil; mengehadkan atau mengawal pengeluaran; keengganan untuk membekal; dan aktiviti mengikat atau gabungan.

### Penalti

Sesebuah perusahaan yang terlibat dalam perlakuan antipersaingan boleh dikenakan denda maksimum sehingga 10% daripada pusing ganti perusahaan berkenaan di seluruh dunia.

## Implikasi AP 2010

Implikasi AP 2010 boleh dilihat daripada perspektif berikut:

- Perniagaan

Akta ini menyediakan satu rangka kerja yang komprehensif bagi mengenal pasti dan mengendalikan amalan antipersaingan untuk semua perusahaan, termasuk syarikat multinasional sehingga ke perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pada dasarnya, Akta ini akan menggalakkan persekitaran pasaran yang kompetitif dan adil bagi pemain industri. Akta ini juga akan menghalang persaingan tidak sihat dan amalan perniagaan terbatas yang boleh menyebabkan perusahaan terkeluar daripada persaingan. Persaingan juga akan mendorong perniagaan untuk menjadi lebih efisien, produktif dan inovatif.

- Pengguna

Pengguna akan mendapat manfaat daripada pasaran yang lebih kompetitif dan efisien daripada segi harga yang lebih rendah, pilihan yang lebih banyak serta barang dan perkhidmatan yang lebih berkualiti.

- Ekonomi

Persekutuan yang kompetitif menggalakkan perniagaan baharu untuk memasuki pasaran dan perniagaan sedia ada untuk menjadi lebih efisien dan inovatif. Persekutuan ini akan membantu Malaysia meningkatkan daya saing antarabangsa dalam menarik pelaburan dan seterusnya menyumbang kepada pengembangan ekonomi negara.

## Kesimpulan

Ketika Malaysia melakukan transformasi ke arah sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020, adalah penting bagi negara mempunyai ekonomi yang berdaya tahan dan berdaya saing. Persaingan adalah baik untuk pengguna, perniagaan dan ekonomi. Persaingan membawa kepada harga yang lebih kompetitif, lebih banyak pilihan serta barang dan perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada pengguna. Persekutuan ini akan mendorong perniagaan menjadi lebih efisien dan berinovatif serta membantu menarik pelaburan yang lebih tinggi dalam ekonomi, seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Sehubungan dengan itu, perniagaan di Malaysia tidak harus takut bersaing, sebaliknya perlu berusaha ke arah meningkatkan daya saing dan seterusnya menyumbang kepada daya saing negara pada peringkat global.

mendapatkan pembiayaan. Sehingga Ogos 2013, sejumlah RM460 juta telah diagihkan untuk sektor perkhidmatan (85.9%) dan pembuatan (14.1%).

Dalam usaha meringankan beban 1.5 juta penjaja dan pemilik perniagaan kecil yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, sejumlah RM16 juta diperuntukkan bagi Skim Perlindungan Insurans bagi melindungi mereka sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya

dan kematian. Sementara itu, bagi menyokong pelaksanaan program *Business in Transformation*, geran bernilai RM4 juta telah disediakan melalui Perbadanan Nasional Berhad (PNS) untuk memberi pinjaman mudah kepada penjaja dan peniaga kecil untuk memodenkan operasi perniagaan mereka ke arah piawaian yang lebih tinggi dan kompetitif melalui model pelesenan atau francais. Untuk tujuan ini, pinjaman sehingga RM25,000 diberikan kepada penerima lesen, manakala RM500,000 kepada pemberi lesen.

## *Merancak Sektor Pelancongan*

Sektor pelancongan telah disediakan peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM358 juta. Peruntukan ini turut meliputi RM124.5 juta untuk program Tahun Melawat Malaysia (TMM). Sehingga Jun 2013, RM139.5 juta telah dibelanjakan untuk pelbagai program, termasuk pembangunan infrastruktur pelancongan, pembangunan pelancongan *eco-nature*, menaik taraf kemudahan inap desa di luar bandar, projek pelancongan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan TMM 2014. Antara inisiatif di bawah program TMM 2014 adalah aktiviti promosi seperti penyertaan dalam beberapa pameran dan ekspo utama pelancongan antarabangsa serta mengadakan misi jualan dan kempen pengiklanan di Berlin, Dubai, London, Seoul dan Shanghai. Program ini dijangka meningkatkan lagi aktiviti pelancongan dan menarik lebih 28.3 juta bilangan ketibaan pelancong serta menjana kutipan sejumlah RM76 bilion pada 2014.

## *Meningkatkan Aktiviti Pertanian*

Kerajaan akan terus menggalakkan sektor pertanian untuk meningkatkan pendapatan negara dan memastikan jaminan bekalan makanan serta meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Dalam hal ini, Bajet 2013 memperuntukkan RM5.8 bilion untuk program pertanian yang merangkumi peningkatan produktiviti penanaman padi di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan lain-lain jelapang padi dan meningkatkan pengeluaran produk herba bernilai tinggi, serta menambah baik institusi latihan pertanian. Secara umumnya, program ini telah dapat meningkatkan pendapatan kumpulan sasar, seperti pendapatan penanam padi meningkat kira-kira RM70 sehektar setiap musim daripada RM5,243 pada 2011 sehingga RM5,313 pada 2012. Dengan sokongan amalan pertanian baik, subsektor perladangan yang diperuntukkan sebanyak RM432 juta di bawah program penanaman semula kelapa sawit telah berjaya meningkatkan hasil tuaian buah sawit sebanyak 5.8% kepada 11.75 tan metrik sehektar dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (2012: 11.11 tan metrik sehektar).

## *Mengekalkan Jaminan Bekalan Makanan*

Perubahan iklim dan pengurangan kawasan tanah pertanian akan menjadikan pengeluaran dan jaminan bekalan makanan negara. Oleh itu, Kerajaan terus komited untuk menjamin bekalan makanan melalui peningkatan inovasi dalam sektor pertanian. Sehubungan dengan itu, pengeluaran padi akan dipertingkatkan melalui pembukaan empat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu yang baharu. Bagi mencapai matlamat ini, sebanyak RM20 juta diperuntukkan pada 2013 untuk membuka empat kawasan jelapang padi baharu di Kota Belud, Batang Lupar, Rompin dan Pekan. Selain daripada itu, usaha telah diambil untuk membangunkan industri benih berkualiti dan meningkatkan pengeluaran hasil padi secara purata kepada enam tan metrik sehektar.

## *Membela Nasib Nelayan dan Petani*

Kerajaan sentiasa perihatin akan kesengsaraan nelayan kerana hasil tangkapan harian mereka yang tidak menentu, terutamanya ketika musim tengkujuh. Dalam hal ini, Kerajaan terus membantu nelayan dengan menyediakan elauan bulanan sebanyak RM200 seorang. Pada Ogos 2013, lebih 52,000 nelayan berdaftar telah mendapat manfaat daripada program ini yang melibatkan sejumlah RM73 juta. Seterusnya, insentif berdasarkan produktiviti telah diberikan kepada nelayan untuk meningkatkan hasil pendaratan ikan. Galakan ini juga bertujuan untuk mengurangkan beban yang dihadapi oleh nelayan akibat kenaikan harga bahan api serta menggalakkan mereka melaporkan hasil tangkapan secara telus. Melalui langkah ini, hasil tangkapan meningkat kepada 68.7 juta tan metrik yang memberi manfaat kepada 29,000 nelayan.

Kerajaan juga telah memperkenalkan Skim Perlindungan Takaful Nelayan dengan perlindungan maksimum sebanyak RM100,000 dengan penerimaan elauan sara hidup bulanan secara automatik dilindungi di bawah skim ini. Inisiatif ini akan meringankan beban nelayan sekiranya

berlaku bencana. Sebanyak 56,672 nelayan telah dilindungi di bawah skim ini dengan bayaran premium sejumlah RM5.7 juta. Dalam hal ini, sebanyak 607 nelayan telah menerima pampasan akibat kemalangan. Selain itu, sebanyak RM300 juta telah diperuntukkan di bawah Tabung Khas Perumahan Nelayan untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan mereka. Sebanyak 13,929 nelayan telah mendapat manfaat daripada penyediaan infrastruktur asas dan baik pulih rumah sehingga Ogos 2013.

Dalam usaha menggalakkan petani menjadi lebih produktif, Kerajaan memperuntukkan RM2.2 bilion untuk subsidi dan insentif bagi meningkatkan hasil padi dan mengurangkan kos pengeluaran. Enam jenis subsidi dan insentif telah diberikan secara langsung atau tidak langsung iaitu Insentif Pengeluaran Padi (RM563 juta), Subsidi Harga Beras (RM528 juta), Subsidi Harga Padi (RM480 juta), Subsidi Baja Padi (RM465 juta), Insentif Benih Padi Sah (RM85 juta), dan Insentif Kenaikan Hasil (RM80 juta). Sehingga akhir September 2013, RM333 juta telah dibelanjakan untuk Subsidi Harga Padi dan memberi manfaat kepada 152,067 petani. Selain itu, sebanyak RM254 juta Subsidi Baja Padi telah diagihkan dan memberi manfaat kepada 287,000 petani. Subsidi Harga Beras juga telah diberikan kepada 74 pengilang di Semenanjung, lapan di Sabah dan enam di Sarawak. Insentif Benih Padi Sah pula telah diberi untuk menghasilkan 80,000 tan metrik benih berkualiti tinggi setiap tahun.

#### *Mencergaskan Pasaran Modal dan Kewangan*

Pelbagai langkah sedang dilaksanakan bagi merancakkan persekitaran pelaburan dan mengukuhkan struktur industri pasaran modal. Antara langkah yang diambil termasuk penubuhan Pusat Promosi Pasaran Modal sebagai syarikat berhad dengan jaminan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 20 Februari 2013. Pusat ini akan memastikan promosi pasaran modal Malaysia yang berkesan dan holistik di seluruh dunia, sejajar dengan inisiatif yang konsisten untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pelaburan dan pengumpulan dana. Tambahan

pula, untuk menyokong pertumbuhan pasaran modal, Program Wakil Niaga Graduan 1000 (GRP1000) telah dilancarkan pada 27 Ogos 2013 bagi membangunkan golongan profesional muda yang berkemahiran dan berpengetahuan. Pada September 2013, sebanyak 231 graduan telah memohon mengikuti program tersebut dengan penyertaan lebih 36 bank pelaburan tempatan dan asing serta firma broker saham yang terkemuka.

Untuk memperluas skop instrumen pelaburan dalam pasaran modal, terutamanya dalam bidang kewangan Islam, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) kini sedang menggubal rangka kerja berkaitan terbitan AgroSukuk bagi syarikat yang terlibat dalam sektor pertanian. Selain itu, SC turut menyemak semula garis panduan mengenai Sekuriti Hutang Swasta dan Sukuk pada 2 Januari 2013 bagi membenarkan syarikat tersenarai awam dan bank menawarkan bon dan sukuk kepada pelabur runcit. Tindakan ini adalah sebahagian daripada rancangan SC untuk membantu meningkatkan penyertaan runcit dalam pasaran bon dan sukuk berikutnya pelancaran bon runcit dan rangka kerja sukuk pada 7 September 2012. Seterusnya, pada 8 Januari 2013, Danalntra Nasional Berhad telah melancarkan sukuk runcit yang pertama sebanyak RM300 juta melalui Bursa Malaysia.

#### *Pembangunan Usahawan Bumiputera*

Usahawan Bumiputera berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menerokai aktiviti bernilai tambah tinggi. Oleh itu, Kerajaan terus komited memberi sokongan dalam aspek pembiayaan, pembinaan keupayaan, dan menggalakkan rangkaian bagi meningkatkan daya saing mereka. Satu daripada inisiatif ini adalah menggalakkan penglibatan usahawan Bumiputera dalam projek MY Rapid Transit (MRT) melalui pemberian kontrak sebanyak 43% kepada syarikat Bumiputera. Pada September 2013, RM9.3 bilion atau 45% daripada jumlah keseluruhan kontrak telah ditawarkan kepada syarikat Bumiputera dan telah melebihi sasaran awal RM8.5 bilion atau 43% yang ditetapkan Kerajaan. Skim Jaminan

Modal Kerja (SJKM) yang berjumlah RM930 juta telah dilanjutkan sehingga akhir 2013 bagi memudahkan syarikat PKS dan Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS) menikmati akses kepada pembiayaan modal kerja. Pada Ogos 2013, sebanyak 8,609 akaun pinjaman berjumlah RM10.3 bilion telah dikeluarkan di bawah SJKM.

### **Fokus Kedua: Memperkasa Pendidikan dan Latihan**

Pendidikan memainkan peranan utama dalam pembangunan modal insan dengan generasi muda dilengkapi kemahiran yang memenuhi keperluan persekitaran yang mencabar. Dalam hal ini, tumpuan inisiatif akan lebih diberikan kepada pembinaan modal insan, produktiviti dan kapasiti melalui penguasaan dan pengayaan ilmu pengetahuan. Penggabungan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi dikenali sebagai Kementerian Pendidikan (MOE), akan memastikan kesinambungan dasar dan program yang lebih berkualiti dan dinamik dalam sistem pendidikan negara. Penggabungan ini juga akan mengukuhkan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2011 – 2015. MOE diperuntukkan RM52.8 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan, dengan RM36.3 bilion telah dibelanjakan sehingga akhir Ogos 2013. Peruntukan ini disediakan terutamanya untuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, memperkuuh pendidikan awal kanak-kanak, serta latihan dan kemahiran.

### *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 telah dilancarkan pada 6 September 2013, mengandungi 11 teras transformasi sistem pendidikan negara. Teras ini termasuk akses saksama kepada pendidikan berkualiti; kefasihan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris; transformasi dalam teknik pengajaran; dan pembangunan nilai-nilai murni. Bagi memantau

dan menilai keberkesanannya pelaksanaan pelan ini, Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) telah ditubuhkan pada 19 Mac 2013. Sejumlah RM500 juta diperuntukkan secara berperingkat bagi tempoh tiga tahun sehingga 2015 untuk melaksanakan pelan ini. Sehingga Jun 2013, RM100 juta telah diagihkan untuk pelaksanaan beberapa inisiatif iaitu pembelajaran murid, guru dan pemimpin sekolah, operasi transformasi, struktur sistem dan pengurusan PADU.

### *Memperkuuh Pendidikan Awal Kanak-kanak*

Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam membangunkan minda dan menyediakan asas bagi pendidikan rendah. Kerajaan telah memperuntukkan RM1.2 bilion kepada MOE, Jabatan Kemajuan Masyarakat, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional serta Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri untuk melengkapkan kanak-kanak dengan pendidikan asas. Sehingga September 2013, sebanyak 502 TASKA PERMATA telah beroperasi di seluruh negara untuk menyediakan pendidikan awal kepada kira-kira 10,200 kanak-kanak berusia 2 hingga 4 tahun. Sementara itu, sebanyak 16,242 pra-sekolah telah beroperasi di seluruh negara dan memberi manfaat kepada lebih 451,000 kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun. Bagi meningkatkan lagi kualiti pendidikan pra-sekolah, lebih RM18 juta telah dibelanjakan untuk penempatan 441 guru baharu sehingga September 2013. Selain itu, RM10 juta telah diperuntukkan untuk membantu pengusaha Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE) swasta untuk membuka TASKA baharu berkualiti tinggi. Sehingga Ogos 2013, sebanyak 120 TASKA telah diberi bantuan.

Penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak kurang upaya juga diberi keutamaan oleh Kerajaan. Enam projek perintis pra-sekolah untuk kanak-kanak kurang upaya (TASKA OKU) sedang dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM3 juta yang memanfaatkan 180 kanak-kanak *down-syndrome* telah mula beroperasi

pada 1 Julai 2013 di Putrajaya. Baki TASKA OKU akan dibuka menjelang akhir 2013 untuk kanak-kanak autistik di Sarawak; masalah penglihatan di Pulau Pinang; pekak dan bisu di Selangor; kecacatan fizikal di Sabah; dan masalah pembelajaran di Perak. Sehingga September 2013, RM2 juta telah dibelanjakan untuk TASKA OKU.

### *Latihan dan Kemahiran*

Kerajaan terus memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan dengan mengutamakan aspek kemahiran dan latihan dalam usaha untuk mewujudkan sumber manusia yang berpengetahuan, kreatif dan inovatif. Selaras dengan kesukaran graduan yang masih menghadapi masalah kebolehpasaran, *National Graduate Employability Blueprint* (GEB) 2012 – 2017 telah dilancarkan pada 4 Disember 2012 untuk memantapkan pelaksanaan Program Kebolehpasaran Siswazah. GEB menjadi panduan kepada institusi pengajian tinggi dalam membangunkan strategi modal insan bagi memenuhi permintaan industri selaras dengan perubahan persekitaran negara yang dinamik. Pasukan Gerak Kerja Kebolehpasaran Graduan telah ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan dan keberkesanan GEB. Sehingga Ogos 2013, RM36.5 juta telah diagihkan bagi melaksanakan 54 program kebolehpasaran siswazah yang memberi manfaat kepada lebih 19,300 graduan diploma dan ijazah.

Sektor swasta juga digalakkan menyediakan program latihan berstruktur kepada siswazah menganggur dan graduan bekerja yang tidak sepadan dengan kelulusan (*underemployed*), terutamanya dalam kemahiran insaniah (*soft skills*) dan latihan di tempat kerja (*on-the-job training*) untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka sebelum memasuki pasaran kerja. Di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR), Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) telah dilaksanakan pada 2011 melibatkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta. Sehingga September 2013, sejumlah 118 GLC dan syarikat swasta telah mengambil bahagian

dalam program SL1M dan lebih 4,000 graduan dibantu mendapatkan pekerjaan. Sebagai menghargai penyertaan pihak swasta, Kerajaan telah memberikan insentif potongan cukai berganda ke atas perbelanjaan yang dibuat oleh syarikat tersebut.

Memandangkan terdapat isu kekurangan buruh mahir, terutamanya dalam bidang teknikal dan kemahiran vokasional, Kerajaan telah membangunkan program latihan bagi mengasah kemahiran baharu selaras dengan keperluan industri masa depan. Dalam hal ini, sebanyak RM3.8 bilion telah diperuntukkan pada 2013 untuk melatih pelajar dalam bidang teknikal dan vokasional, dan sebanyak RM2.4 bilion telah dibelanjakan sehingga akhir Ogos 2013. Beberapa langkah telah diambil, termasuk pemberian pinjaman kepada pelatih untuk menjalani latihan kemahiran melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran yang telah diperuntukkan RM400 juta. Sehingga akhir Ogos 2013, pinjaman bernilai RM221 juta dan geran bernilai RM71 juta telah diberikan kepada lebih 18,500 pelatih di seluruh negara. Kerajaan juga memperuntukkan RM366.6 juta bagi menaik taraf dan membaik pulih bangunan serta membeli peralatan pendidikan untuk Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Sehingga akhir Ogos 2013, sebanyak RM132 juta telah dibelanjakan untuk 35 institut latihan.

Untuk mewujudkan tenaga kerja profesional dan berbakat dalam industri khusus, terutamanya minyak dan gas, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah bekerjasama dengan PETRONAS untuk melatih pelajar IKBN bagi memenuhi keperluan RAPID di Pengerang, Johor. Sehingga September 2013, sebanyak 20 tenaga pengajar dari IKBN telah dilatih oleh PETRONAS mengenai kesihatan, keselamatan dan persekitaran tempat kerja (HSE); dan 10 tenaga pengajar telah menjalani latihan kimpalan mengikut *American Welding Society* (AWS) dengan SIRIM. Bagi tujuan ini, sejumlah 682 pelajar telah menjalani kursus HSE dan AWS dengan kos sebanyak RM2.1 juta.

Kerajaan terus komited untuk membantu belia India Malaysia yang gagal memasuki pasaran kerja, berikutan kekurangan peluang dan kelayakan pendidikan yang rendah. Dalam hal ini, Program Latihan Kemahiran Belia India telah diperkenalkan dengan menyasarkan kumpulan yang berusia antara 17 dan 35 tahun. Pada 2013, sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian Sumber Manusia, MOE dan KBS untuk melaksanakan program ini. Pengambilan pertama program bermula pada Julai 2013 dan melibatkan sejumlah 618 pelajar yang ditempatkan di ILP, kolej komuniti dan IKBN di seluruh negara. Peserta akan menjalani kursus kemahiran terpilih selama dua tahun dan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Sijil Penuh Kolej Komuniti atau Sijil Modular Kebangsaan.

Dalam usaha memastikan modal insan yang produktif dan cergas, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah memperkenalkan Program Saringan Kesihatan (HSP) yang baharu mulai Januari 2013. Program ini bertujuan untuk mengenal pasti kumpulan pekerja yang berisiko tinggi terhadap penyakit tidak berjangkit, terutamanya penyakit jantung, darah tinggi, kencing manis dan kanser. Sejumlah RM220 juta telah diperuntukkan untuk menyediakan saringan kesihatan secara percuma kepada 1.9 juta pencarum aktif yang berumur 40 tahun dan ke atas. Sehingga Ogos 2013, sebanyak 3,283 panel HSP telah dilantik yang terdiri daripada 2,979 klinik, 212 penyedia makmal perubatan dan 92 pusat mamogram. Program ini telah memberi manfaat kepada 172,956 pencarum, dengan 46,010 wanita telah menjalani pemeriksaan mamogram.

### **Fokus Ketiga: Membudaya Inovasi dan Meningkat Produktiviti**

#### *R&D inovasi*

Kegiatan R&D merupakan fasa awal kreativiti dan inovasi yang merupakan elemen penting ke arah meningkatkan potensi pertumbuhan

ekonomi. Bagi meningkatkan peratusan bahagian R&D kepada KDNK, perbelanjaan ke atas aktiviti ini mesti terus dipertingkatkan. Pada 2011, sumbangan perbelanjaan kasar R&D kepada KDNK negara hanya 1.1% berbanding Singapura 2.3%. Dalam hal ini, Kerajaan akan melipatgandakan usaha untuk menggalakkan aktiviti R&D dan seterusnya menyokong perancangan dan pelaksanaan program serta aktiviti yang lebih tertumpu kepada kreativiti dan inovasi. Kerajaan juga terus komited membangunkan hak harta intelek (IPR) sebagai pewujudan kekayaan baharu yang turut membantu ke arah rantaian nilai yang lebih tinggi.

Bajet 2013 telah memperkenalkan beberapa inisiatif strategik untuk meningkatkan aktiviti R&D dan inovasi. Sejumlah RM600 juta telah diperuntukkan kepada lima universiti penyelidikan bagi menjalankan kajian berimpak tinggi dalam bidang strategik seperti teknologi nano, automotif, bio dan aeroangkasa. Kerajaan juga membiayai projek penyelidikan, pembangunan, dan pengkomersialan (R&D&C) melalui *ScienceFund*, *TechnoFund*, *InnoFund* serta Dana Pembangunan & Pengkomersialan Produk. Selain itu, sejumlah RM37 juta diperuntukkan kepada Agensi Inovasi Malaysia (AIM) untuk pelaksanaan pelbagai inisiatif seperti Program Genovasi, Program Pembangunan Duta Inovasi, Program i-THINK, Steinbeis Malaysia, *Innovation Business Opportunities* (IBO) dan *Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam* (JKPDA). Tambahan pula, sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan untuk pewujudan Skim Dana Pembiayaan Harta Intelek (IP) yang ditawarkan melalui Malaysia Debt Ventures Berhad. Dalam masa yang sama, sejumlah RM19 juta telah disediakan untuk melaksanakan program latihan bagi penilai IP dan mewujudkan platform pasaran IP di bawah kendalian Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Semua program dan aktiviti ini sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

## Memanfaatkan Inovasi Bagi Memacu Pertumbuhan

### Pengenalan

Peningkatan teknologi, inovasi dan aktiviti berdasarkan pengetahuan telah menjadi semakin penting sebagai faktor ketiga pengeluaran untuk pertumbuhan ekonomi dan hasil kekayaan serta kekal berdaya saing. Inovasi, khususnya merupakan elemen penting untuk mewujudkan nilai-nilai baharu untuk pelanggan atau firma. Bagi pengguna, inovasi membawa produk dan perkhidmatan yang lebih berkualiti atau bernilai tambah tinggi. Bagi pihak syarikat pula, inovasi membantu untuk menembusi pasaran baharu, meningkatkan perkongsian pasaran dan meningkatkan pulangan kepada pelabur. Tambahan lagi, inovasi memberi manfaat kepada pekerja melalui pewujudan pekerjaan jenis baharu dan peluang yang lebih besar kepada tenaga kerja berbakat dan kompeten dengan gaji yang lebih tinggi. Oleh itu, banyak negara yang bercita-cita untuk menjadi lebih berinovasi. Cabaran bukan sahaja untuk meningkatkan keupayaan inovasi tetapi juga bagi mencipta inovasi yang berterusan. Sementara itu, *disruptive innovation*<sup>1</sup> mewujudkan pasaran baru dengan mengaplikasikan satu set nilai yang berbeza dan akhirnya diambil alih oleh pasaran yang sedia ada untuk ditukar dengan teknologi yang lebih awal. Oleh sebab itu, kedua-dua inovasi yang berterusan dan *disruptive* adalah penting untuk meningkatkan produktiviti dan rantaian nilai yang akan mengekalkan pertumbuhan dan kemakmuran negara. Malaysia telah mengiktiraf kepentingan inovasi bagi mengubah negara menjadi ekonomi maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

### Kedudukan Malaysia dalam Inovasi

Di bawah Bajet 2010, Kerajaan telah mengambil kira inovasi dalam agenda transformasi negara. Transformasi ini akan dilaksanakan melalui proses menyeluruh merangkumi beberapa bidang termasuk inovasi tadbir urus sektor awam dan swasta; inovasi bandar dan luar bandar; inovasi korporat; industri, penjagaan kesihatan, dan inovasi pengangkutan; inovasi jaringan keselamatan sosial; dan inovasi penjenamaan. Sebahagian daripada inisiatif ini telah dilaksanakan di bawah Konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dan Dasar Transformasi Nasional. Berikutan itu, prestasi inovasi Malaysia telah dilaporkan di dalam pelbagai laporan antarabangsa seperti *Global Competitiveness Report* dan *Global Innovation Index*. Setiap laporan menerangkan inovasi daripada pelbagai dimensi yang berbeza.

#### *Global Competitiveness Report*


*Global Competitiveness Report (GCR) 2013-2014* telah mengiktiraf Malaysia dalam kalangan 20% ekonomi yang paling berdaya saing di peringkat global dengan mencatatkan negara pada kedudukan ke-24 daripada 148 negara dan kekal pada kedudukan kedua dalam negara ASEAN. Pencapaian yang memberangsangkan ini disebabkan oleh kecekapan pasaran dan daya saing untuk barang dan perkhidmatan, pasaran kewangan yang dibangunkan dengan baik dan kukuh, rangka kerja institusi yang mesra perniagaan, perniagaan yang sofistikated serta inovasi. Melalui inovasi yang merupakan tonggak kedua belas *Global Competitiveness Index*, Malaysia mencapai kedudukan yang membanggakan pada tangga ke-25, terutamanya dalam bidang berkaitan: keupayaan untuk berinovasi (kedudukan ke-15); perolehan Kerajaan bagi produk berteknologi tinggi (kedudukan ke-4); dan kerjasama di antara universiti dan industri dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) (kedudukan ke-17). Prestasi yang menggalakkan ini mencerminkan keberkesanannya dasar Kerajaan dalam memupuk budaya inovasi dalam kalangan rakyat Malaysia.

Jadual 1: Global Competitiveness Index

Negara/Ekonomi	GCI 2013-2014		GCI 2010-2011	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Switzerland	1	5.67	1	5.63
Singapura	2	5.61	3	5.48
Finland	3	5.54	7	5.37
Jerman	4	5.51	5	5.39
Amerika Syarikat	5	5.48	4	5.43
<b>Malaysia</b>	<b>24</b>	<b>5.03</b>	<b>26</b>	<b>4.88</b>
Republik Korea	25	5.01	22	4.93
Brunei Darussalam	26	4.95	28	4.75
Israel	27	4.94	24	4.91
Ireland	28	4.92	29	4.74
China	29	4.84	27	4.84
Puerto Rico	30	4.67	41	4.49

Sumber: The Global Competitiveness Report oleh World Economic Forum.

<sup>1</sup> diilhamkan oleh Profesor Clayton M. Christensen di dalam kajiannya dan akhirnya terkenal melalui buku beliau bertajuk 'The Innovator's Dilemma'.

Carta 1: *Global Competitiveness Index* (prestasi negara ASEAN)***Global Innovation Index***

*Global Innovation Index* (GII) telah meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-32 daripada 142 negara pada tahun 2012 dan 2013. Indeks ini menggunakan 84 indikator, termasuk kualiti universiti terkemuka; kewujudan pembiayaan mikro; modal teroka yang dimeterai; dan keupayaan inovasi dan hasil yang boleh diukur. Laporan tersebut mengenal pasti bahawa kekuatan utama Malaysia ialah dalam pasaran dan perniagaan yang sofistikated, walaupun masih terdapat ruang bagi penambahbaikan dalam bidang penyelidikan dan modal insan serta rangka kerja institusi. Walaupun dalam keadaan prestasi pencapaian inovasi yang tidak menentu, Malaysia diiktiraf sebagai yang terbaik dari segi peningkatan tahap inovasi dalam kalangan negara berpendapatan menengah atas.

Jadual 2: *Global Innovation Index* Mengikut Kumpulan Pendapatan

Kedudukan Kumpulan	Inovasi Mengikut Kumpulan Pendapatan				
	2012		2013		Kumpulan Pendapatan
Kedudukan GII	Negara/Ekonomi	Kedudukan GII	Negara/Ekonomi		
1	1	Switzerland	1	Switzerland	Berpendapatan Tinggi
2	2	Sweden	2	Sweden	Berpendapatan Tinggi
3	3	Singapura	3	United Kingdom	Berpendapatan Tinggi
1	30	Latvia	32	Malaysia	Berpendapatan Menengah Atas
2	32	Malaysia	33	Latvia	Berpendapatan Menengah Atas
3	34	China	35	China	Berpendapatan Menengah Atas
1	50	Republik Moldova	45	Republik Moldova	Berpendapatan Menengah Bawah
2	63	Ukraine	59	Armenia	Berpendapatan Menengah Bawah
3	64	India	66	India	Berpendapatan Menengah Bawah
1	96	Kenya	89	Uganda	Berpendapatan rendah
2	102	Rwanda	99	Kenya	Berpendapatan rendah
3	108	Tajikistan	101	Tajikistan	Berpendapatan rendah

Sumber: The Global Innovation Index Report 2013, Cornell University, INSEAD & WIPO.

## Mentransformasi Negara kepada Ekonomi yang dipacu oleh Inovasi

Prestasi Malaysia yang menggalakkan dalam laporan GCR dan GII adalah hasil dari usaha berterusan Kerajaan untuk mencapai agenda transformasi negara. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kekal sebagai pentadbir utama dasar inovasi di negara ini. Pelbagai agensi dan NGO juga menyokong pelaksanaan agenda inovasi iaitu Agensi Inovasi Malaysia (AIM), Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Persatuan Kreativiti dan Inovasi Malaysia (MACRI), Malaysia Green Technology Corporation (MGTC), Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), MyNIC Bhd serta Unit Strategik Nasional (NSU) di Kementerian Kewangan. Beberapa undang-undang telah digubal atau disemak semula, seperti Akta Agensi Inovasi Malaysia 2010, Akta Persaingan 2010 dan Akta Paten 1983 bagi memastikan peningkatan keberkesanan proses ke arah pembangunan budaya inovatif di Malaysia.

Ke arah memanfaatkan modal insan dan teknologi berpotensi, Kerajaan dan sektor swasta akan terus menggalakkan pembangunan inovasi dalam kalangan rakyat Malaysia. Inisiatif terkini untuk mewujudkan satu ekosistem yang kondusif bagi memacu inovasi termasuk yang berikut:

### Memupuk Budaya Berfikir

Program/ Inisiatif	Status Terkini
<b>Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (HOTS)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>HOTS telah diperkenalkan melalui program i-Think bagi membantu semua pelajar di sekolah kerajaan menggunakan 8 Peta Minda bagi meningkatkan kemahiran berfikir kritis dan analitikal.</li> <li>Menjelang Disember 2013, 45,000 guru akan dilatih di bawah i-Think dan ditempatkan di 1,000 sekolah yang akan memanfaatkan 576,000 pelajar.</li> </ul>
<b>Program Jejak Inovasi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk mengesan pelbagai rekaan yang dicipta oleh rakyat Malaysia, terutama dari kawasan luar bandar.</li> <li>Program ini bertujuan untuk menggalakkan rakyat mengetengahkan idea yang akan membantu mereka meningkatkan taraf hidup melalui peningkatan output melalui peningkatan atau pengkomersialan ciptaan mereka.</li> </ul>
<b>Anugerah Cipta 1Malaysia (C1PTA)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk mengiktiraf ciptaan pelajar dan belia yang paling inovatif di peringkat kebangsaan.</li> <li>Pencarian juara inovasi di seluruh negara dan disiarkan sebagai program realiti TV yang dinamakan Dengan Inovasi, Yo! (DIY).</li> </ul>
<b>Program Genovasi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program Genovasi akan menghasilkan sekurang-kurangnya 5,000 Duta Inovasi dalam tempoh 5 tahun yang akan datang.</li> <li>Pengambilan pertama program IADP selama 10 minggu telah bermula pada 4 Februari 2013. Sehingga September 2013, 182 duta inovasi termasuk 150 orang daripada sektor awam telah dilatih.</li> </ul>
<b>Program Gigih</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Telah mengenal pasti 50 syarikat bermodal kecil, aktiviti yang menjana pendapatan dan idea perniagaan yang boleh dijadikan model oleh individu lain yang berpendapatan rendah bagi menggalakkan sifat berdikari dan menjana pendapatan yang stabil untuk keluarga mereka.</li> </ul>
<b>Program International Baccalaureate (IB)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sejumlah RM8.7 juta telah diluluskan untuk program IB dengan penekanan kepada metodologi pengajaran dan pembelajaran yang paling efektif, interaksi antara subjek serta komunikasi dan pembangunan individu yang serba boleh.</li> <li>Seramai 800 guru dari 10 sekolah terpilih sedang menjalani program <i>IB Supplementary Profesional Development</i> yang telah bermula pada Mac 2013.</li> </ul>
<b>Bakat Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bakat Malaysia merupakan sebahagian daripada pasukan kreatif yang bekerja untuk filem "The Life of Pi", yang telah memenangi Anugerah Oscar 2012 dalam kategori kesan visual teknologi kreatif telah membuktikan bakat tempatan mampu mengukir nama dalam arena antarabangsa.</li> </ul>

## Menginovasi Organisasi dan Industri

Program/ Inisiatif	Status Terkini
<b>Modal teroka (VC)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>VC adalah sejenis modal ekuiti persendirian yang disediakan untuk modal permulaan dan syarikat berpotensi tinggi.</li> <li>Kapitalis teroka memberi tumpuan kepada mewujudkan nilai melalui pertumbuhan pesat produk dan perkhidmatan sama ada dengan teknologi atau penembusan pasaran yang lebih besar.</li> <li>Sehingga Ogos 2013, terdapat 57 syarikat pengurusan modal teroka berdaftar di Malaysia.</li> </ul>
<b>Modal Teroka MyCreative</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ditubuhkan oleh Kerajaan pada 2012 dengan dana permulaan sebanyak RM200 juta untuk meningkatkan daya tarikan industri kreatif Malaysia melalui pembiayaan strategik dan inovatif dalam bentuk pelaburan ekuiti atau hutang.</li> </ul>
<b>Insentif Cukai untuk pelabur budiman</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu syarikat berdasarkan teknologi di Malaysia bagi meningkatkan pembiayaan dengan menawarkan insentif cukai kepada pelabur budiman yang telah melabur dalam syarikat ini.</li> <li>Potongan bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat oleh pelabur budiman dalam syarikat teroka dibenarkan diimbangi oleh semua pendapatan mereka sehingga nilai maksimum RM500,000. Insentif ini akan membantu merangsang pertumbuhan usahawan teknologi di peringkat <i>pre-seed</i> dan permulaan.</li> </ul>
<b>Pelan Induk PKS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelaksanaan 32 inisiatif termasuk enam program berimpak tinggi dengan peruntukan sebanyak RM30 juta.</li> <li>AIM bersama-sama dengan SME Corporation akan melaksanakan program berimpak tinggi dalam Platform Pengkomersialan Teknologi yang akan membantu PKS daripada pembangunan '<i>Proof of Concept</i>' sehingga ke tahap pengkomersialan.</li> </ul>
<b>Skim Pembiayaan Harta Intelek (IP)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM200 juta telah diperuntukkan di bawah Skim Pembiayaan Harta Intelek (IP) yang ditawarkan melalui Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV).</li> <li>Skim ini yang dijadual dilancarkan pada November 2013 akan membolehkan syarikat menggunakan hak Harta Intelek (IPR) masing-masing sebagai sumber cagaran tambahan untuk mendapatkan pembiayaan. Sehingga September 2013, MDV telah menerima 22 permohonan daripada syarikat berdasarkan ICT berjumlah RM104 juta.</li> <li>Kerajaan juga menjadi perintis dalam melaksanakan Semakan Modal Intelek Masa Hadapan iaitu kaedah Penilaian Risiko bagi institusi kewangan untuk menilai risiko dan pulangan dalam pembiayaan IPR.</li> </ul>
<b>Inisiatif penilaian IP</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan telah memberi mandat kepada MyIPO untuk memacu inisiatif penilaian IP yang memberi tumpuan kepada empat penyampaian, iaitu latihan kepada penilai IP tempatan, Penilaian IPR untuk PKS tempatan yang sesuai, membangunkan model penilaian IP kebangsaan dan mencipta platform pasaran IP untuk IPR didagangkan.</li> </ul>
<b>Jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Infrastruktur HSBB disokong oleh Kerajaan untuk memperluaskan penggunaan Internet.</li> <li>HSBB membolehkan penginovasi untuk memulakan perniagaan atas talian tanpa melibatkan kos yang tinggi dengan menterjemahkan hasil yang efisien dan produktiviti yang lebih tinggi.</li> </ul>

Program/ Inisiatif	Status Terkini
<b>Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>UTC satu lagi usaha inovatif Kerajaan yang dipantau oleh NSU, Kementerian Kewangan dengan mengubah bangunan yang kurang digunakan bagi menawarkan pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung.</li> <li>RTC telah ditubuhkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk merapatkan jurang pembangunan di kawasan luar bandar.</li> </ul>
<b>Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia (MaGIC)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pusat sehenti bagi usahawan untuk mendapatkan pembiayaan daripada bank atau modal teroka; penyediaan inkubator untuk membangunkan modal permulaan; pendaftaran harta intelek serta kemudahan untuk latihan, melatih dan bimbingan.</li> </ul>

### Menjadi Pemangkin kepada Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan

Program/ Inisiatif	Status Terkini
<b>Penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang strategik</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lima universiti penyelidikan akan menjalankan penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang strategik seperti teknologi nano, automotif, bioteknologi dan aeroangkasa dengan peruntukan sebanyak RM600 juta pada tahun 2013.</li> <li>Peruntukan tersebut juga bagi melaksanakan penaraan 5-bintang <i>Malaysia Research Assessment of Higher Learning Institutions, Research Acculturation Collaborative Efforts</i> dan <i>Central Lab Management programmes</i>. Sehingga Julai 2013, hampir RM223 juta telah dibelanjakan untuk inisiatif ini.</li> <li>Kerajaan mensasarkan untuk membangunkan 1,015 IP, mewujudkan 2,448 pakar dan menghasilkan 7,265 aktiviti berkaitan R&amp;D.</li> <li>Insentif cukai untuk pengkomersialan penemuan R&amp;D berdasarkan aktiviti sumber telah diperluaskan kepada aktiviti berdasarkan bukan sumber yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan 1986.</li> </ul>
<b>Steinbeis Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM4.5 juta telah diperuntukan untuk penubuhan Steinbeis Malaysia, yayasan bukan berdasarkan keuntungan yang membolehkan saintis dan akademia untuk menubuhkan pusat yang kemudiannya akan dipadankan dengan keperluan PKS.</li> <li>Steinbeis Malaysia menyediakan jaminan kepada industri untuk memberikan penyampaian seperti yang diperlukan. Steinbeis Malaysia juga menyediakan perkhidmatan sokongan seperti pengurusan projek, pembangunan perniagaan, perkhidmatan undang-undang dan pentadbiran.</li> <li>Aspirasinya adalah untuk menyiapkan 2,000 projek yang akan menyediakan 500 pekerjaan dan menjana RM1 bilion Pendapatan Negara Kasar menjelang 2020.</li> </ul>
<b>Innovation Business Opportunities (IBOs)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IBO adalah platform berdasarkan internet untuk mengkomersialkan sumber IP daripada universiti, institut pendidikan dan penginovasi swasta yang dilaksanakan dengan peruntukan RM1 juta.</li> <li>Sehingga Jun 2013, program ini telah memadankan 200 IBO dan telah memudah cara perjanjian untuk 20 pelabur dengan anggaran hasil tahun ketiga sebanyak RM325 juta.</li> </ul>

Program/ Inisiatif	Status Terkini
<b>Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam (JKPDA)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyelaraskan semua geran untuk R&amp;D&amp;C melalui JKPDA bagi memastikan pembiayaan disediakan kepada R&amp;D secara berterusan.</li> <li>JKPDA telah menyelesaikan penilaian untuk R&amp;D&amp;C dalam Bajet 2014 bagi sembilan kementerian merangkumi 125 projek berjumlah RM1.23 bilion.</li> <li>JKPDA menyokong 71 projek berjumlah RM802.7 juta, manakala baki 54 projek yang mempunyai elemen sama dalam kalangan kementerian atau agensi dicadangkan kepada kerjasama antara kementerian dan penyelarasan menyebabkan penjimatan RM432 juta kepada negara.</li> <li>Fasa seterusnya melibatkan pembangunan prestasi dan <i>dasboard</i> pemantauan untuk mengesan program R&amp;D&amp;C yang akan siap menjelang akhir 2013</li> </ul>
<b>ScienceFund, TechnoFund and InnoFund</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dana telah diperuntukkan untuk ScienceFund, TechnoFund and InnoFund di bawah kluster ICT sebagai asas untuk menggalakkan aktiviti R&amp;D&amp;C.</li> <li>Sehingga Mei 2013, sejumlah 51 projek di bawah ScienceFund dan 11 projek di bawah TechnoFund telah diluluskan dengan jumlah keseluruhan RM13.9 juta.</li> <li>Kerajaan juga menubuhkan Dana pembangunan produk dan Pengkomersialan pada 20 Mac 2013 dengan peruntukan RM3 juta. Dana ini bertujuan untuk memberi bantuan kepada syarikat Koridor Raya Multimedia (MSC) tempatan untuk menggalakkan pembangunan dan pengkomersialan inovasi, produk berasaskan pasaran, perkhidmatan penyelesaian serta meningkatkan penciptaan IP untuk pengkomersialan.</li> </ul>

### Memupuk Inovasi secara Menyeluruh

Program/ Inisiatif	Status Terkini
<b>Indeks Inovasi Korporat Kebangsaan (NCII)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan akan membangunkan NCII sebagai projek rintis yang melibatkan 200 syarikat senarai awam dan syarikat berkaitan Kerajaan untuk mengesan tahap inovasi sebagai indikator penghasilan nilai.</li> </ul>
<b>Sidang Kemuncak Keusahawanan Global Ke-4 (GES) 2013</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Kewangan telah menganjurkan GES Ke-4 2013 dari 11 hingga 12 Oktober 2013.</li> <li>GES sebagai platform kepada usahawan global untuk berkongsi idea inovatif dan amalan terbaik</li> </ul>
<b>Forum Inovasi Dunia-Kuala Lumpur (WIF-KL) 2013</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>MOSTI dengan kerjasama YIM akan menganjurkan WIF-KL 2013 sebagai platform dalam mewujudkan satu budaya baharu inovasi, pusat pertumbuhan ekonomi, teknologi baharu dan inovasi dalam kalangan negara Asia.</li> <li>WIF-KL 2013 akan dilangsungkan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dari 12 hingga 14 November 2013.</li> </ul>

### Isu dan Cabaran

Walaupun tindakan yang drastik diambil oleh Kerajaan untuk menerapkan budaya inovasi, masih terdapat isu penting yang belum diselesaikan dan perlu ditangani.

Menarik dan meningkatkan keupayaan bakat	Tenaga kerja yang kompeten, kreatif dan mempunyai ciri keusahawanan.
Mengguna pakai teknologi baharu	Keupayaan untuk memperoleh atau membangunkan aset teknologi.
Akses kepada pembiayaan	Institusi kewangan yang mencukupi untuk menyediakan dana pada kos yang munasabah bagi syarikat untuk berinovasi. Pada masa kini pembiayaan adalah lebih tertumpu kepada fasa awal berbanding menyokong pengkomersialan.
Meningkatkan daya saing	Persaingan memacu individu dan organisasi untuk mendapatkan nilai baharu dan melaksanakan aktiviti dengan lebih efisien, serta membolehkan keupayaan diubah kepada hasil.
Memupuk inovasi melalui pendidikan	Mengiktiraf peranan pendidikan awal untuk menerapkan konsep inovasi.
Meningkatkan Akses Pasaran	Memupuk budaya inovasi dalam kalangan perniagaan Malaysia untuk menembusi pasaran global.

### Hala Tuju

Untuk membawa Malaysia ke arah ekonomi berinovasi memerlukan satu rangka kerja berstruktur dalam memberi sokongan padu namun fleksibel bagi disesuaikan dengan kuasa pasaran yang dinamik. Rangka kerja ini juga menekankan akauntabiliti dan penyampaian hasil selaras dengan objektif Kerajaan serta menyediakan struktur untuk menyokong pelan tindakan inovasi. Untuk mengenal pasti bidang inovasi yang menerajui pertumbuhan, Kerajaan menggunakan pakai pendekatan *ground-up* melibatkan kerjasama rapat dengan Kementerian yang berkaitan, universiti, institut penyelidikan, agensi pembiayaan inovasi awam, pengantara pasaran modal, firma swasta, persatuan industri dan pertubuhan bukan kerajaan dengan memberikan tumpuan terutamanya terhadap perkara berikut:

- ❑ Permintaan untuk tenaga kerja yang mahir akan berkembang lebih sengit kerana pasaran menjadi lebih berdaya saing. Memastikan aliran berterusan pekerja mahir akan memerlukan melengkapkan generasi muda di sekolah dengan kemahiran menyelesaikan masalah dan keupayaan untuk membuat keputusan yang cepat berdasarkan fakta dan bukti. Graduan perlu menguasai kemahiran *Innopreneurship*, yang merupakan sains dan seni menukar idea-idea ke dalam kekayaan sebelum memasuki pasaran kerja.
- ❑ Universiti juga perlu menjalankan penyelidikan gunaan untuk menangani dan menghadapi cabaran yang dihadapi oleh pelbagai industri, serta menyediakan sumber produk baharu atau berteknologi untuk masyarakat yang boleh menjadi saluran baharu sektor swasta menjana kekayaan. Universiti mesti bekerjasama dengan sektor swasta untuk mengkomersialkan IP. Malaysia harus mengubah secara radikal pengurusan R&D gunaan. R&D gunaan perlu bermula dengan mengenal pasti cabaran dan peluang yang dihadapi oleh pengamal industri serta kerjasama dari pakar yang berpandangan jauh dalam bidang sains dan teknologi di pusat kecemerlangan di universiti.
- ❑ Malaysia harus bersedia mengambil kesempatan daripada media digital dan menyediakan perkhidmatan ICT yang inovatif dan kreatif melalui pelbagai platform digital seperti komputer peribadi, komputer riba, peranti tablet, telefon pintar, telefon bimbit, TV digital dan radio satelit.

- ❑ Kerajaan menyediakan peruntukan yang sewajarnya untuk membiayai pelbagai peringkat proses inovasi, daripada mewujudkan *proof of concept* hingga ke pemasaran produk akhir dan perkhidmatan. Pelbagai geran awam perlu diselaraskan untuk meningkatkan kelebihan daya saing kepada Malaysia. Pemberian geran awam dibuat dengan teliti berdasarkan persaingan yang sihat supaya hanya permohonan yang terbaik mendapat dana tersebut.
- ❑ Kerajaan juga perlu mengurangkan geran dalam jangka panjang kerana akan mewujudkan moral yang tidak baik iaitu wang awam tidak perlu dibayar semula. Lain-lain bentuk pembiayaan perlu dibangunkan seperti melalui pelabur budiman dan modal teroka. Usahawan juga boleh mendapatkan sumber pembiayaan daripada *crowdfunding*.

### Kesimpulan

Inovasi kekal menjadi tumpuan utama dalam agenda pembangunan Malaysia. ‘Membina asas pengetahuan dan infrastruktur’ adalah Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) Keenam dalam Model Baru Ekonomi (MBE) yang memberikan fokus utama bagi menggalakkan persekitaran untuk berinovasi. MBE menyatakan bahawa Malaysia masih kekurangan kreativiti dan inovasi yang merupakan elemen penting ketiga selain daripada buruh dan modal yang akan memacu negara ke arah ekonomi maju dan berpendapatan tinggi. Oleh itu, memanfaatkan inovasi untuk memacu pertumbuhan memerlukan pembaharuan yang disasarkan dalam tiga dimensi. Pertama berkaitan dengan keupayaan, di mana bakat, teknologi dan pembiayaan yang diperlukan bagi membolehkan syarikat untuk berinovasi. Kedua penekanan kepada dasar persaingan, fleksibiliti pasaran, dan dasar-dasar paten. Ketiga melibatkan kelompok inovasi. Kelebihan dan kelompok adalah penting untuk memastikan bahawa usaha akan memacu impak ekonomi yang maksimum dengan menumpukan kepada produk bernilai tambah tinggi. Dimensi ini akhirnya akan meningkatkan budaya inovasi negara dengan cara yang lebih holistik.

### Fokus Keempat: Konsolidasi Fiskal dan Mempercepat Penyampaian Perkhidmatan Awam

#### *Konsolidasi Fiskal*

Kerajaan terus komited ke arah konsolidasi fiskal, seperti yang dicerminkan dalam pengurangan berterusan defisit fiskal, dari paras setinggi 6.7% semasa krisis kewangan global pada 2009 kepada 4.5% pada 2012. Hutang Kerajaan Persekutuan kekal di bawah had yang ditetapkan pada 55% daripada KDNK. Walaupun keperluan perbelanjaan Kerajaan lebih tinggi pada 2013, sasaran fiskal bagi tahun ini dijangka dapat dicapai melalui pengurusan kewangan berhemat dan kutipan hasil yang lebih tinggi. Langkah untuk meningkatkan kutipan hasil termasuk, antara lain, meluaskan asas cukai melalui pengauditan, penyiasatan

dan penguatkuasaan cukai; meningkatkan pematuhan; memudahkan undang-undang dan peraturan; serta penglibatan lebih meluas dengan pihak berkepentingan.

Dari aspek perbelanjaan, OBB telah dilaksanakan secara berperingkat dan akan dilaksanakan sepenuhnya pada 2015. Sebagai inisiatif menyeluruh Kerajaan, OBB akan menggalakkan perbelanjaan berhemat melalui penyelaras projek dan program yang dijajarkan kepada keutamaan dasar dengan penetapan outcome dan akauntabiliti yang jelas disertai dengan kerangka pemantauan yang komprehensif. Sementara itu, penubuhan FPC merupakan langkah yang signifikan untuk memperkuuh kewangan sektor awam dalam jangka panjang. FPC merupakan institusi yang mempunyai kuasa dan diberi mandat untuk menggubal dasar utama dalam memantapkan kedudukan fiskal Kerajaan.

### *Penyampaian Perkhidmatan Awam*

Bagi menghargai sumbangan warga emas, Kerajaan telah mengumumkan pengurangan bayaran pasport bagi mereka berumur 60 tahun ke atas daripada RM300 kepada RM150 untuk pasport bertempoh 5 tahun dan RM100 kepada RM80 bagi pasport bertempoh 2 tahun mulai Januari 2013. Skim ini juga memberi manfaat kepada kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah. Sehingga Ogos 2013, sejumlah 366,237 pasport di bawah skim ini telah disediakan, iaitu sebanyak 21% daripada keseluruhan pengeluaran pasport dan 24.5% daripada pendapatan pengeluaran pasport.

### *Meningkatkan Skim Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia*

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan dilengkapi dengan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi untuk meningkatkan keupayaan dalam melindungi keselamatan dan kedaulatan negara. Skim perkhidmatan ATM telah disemak semula berkuat kuasa 1 Januari 2013. Semakan skim ini termasuk meningkatkan syarat kemasukan untuk pentaulahan pegawai berpangkat Leftenan Muda kepada Ijazah Sarjana Muda Kepujian, dan SPM untuk askar laskar. Selain itu, Kerajaan juga mengiktiraf perkhidmatan anggota tentera sedia ada dengan memperuntukkan RM107 juta untuk kenaikan secara *time-based* bagi 78,123 anggota. Sehingga Februari 2013, sejumlah 3,000 anggota telah dinaikkan pangkat dari Prebet kepada Lans Koperal dan dari Lans Koperal kepada Koperal.

Untuk menghargai komitmen dan dedikasi pewira negara, Kerajaan juga telah menyediakan insentif khas dan memperkenalkan Skim Perlindungan Insurans Berkelompok. Bermula Januari 2013, semua anggota tentera (tidak termasuk penerima Elaun Bayaran Ikhtisas) telah menerima RM200 sebulan bagi insentif khas ini. Sementara itu, berkuat kuasa 1 Jun 2013, perlindungan insurans sehingga RM18,000 disediakan untuk angkatan tentera, polis dan bomba sekiranya berlaku kes kematian dan hilang upaya kekal.

Bagi anggota ATM yang memilih untuk bersara awal (berkhidmat kurang 21 tahun) dan tidak menerima sebarang penceن, Kerajaan telah memperuntukkan RM224 juta untuk bantuan tunai *one-off* sebanyak RM1,000 dikenali sebagai Sumbangan Veteran ATM Tidak Berpencen 1Malaysia (SVTB1M). Bantuan ini telah dilancarkan pada 4 Januari 2013 dan dibayar sepenuhnya pada 11 Januari 2013. Pada 1 April 2013, SVTB1M ini juga telah diberikan kepada balu veteran ATM yang tidak berpencen. Sehingga Jun 2013, sebanyak RM48 juta telah dibelanjakan dan memanfaatkan 80,706 penerima yang layak.

### **Fokus Kelima: Mensejahterakan Rakyat**

Kerajaan terus memberi tumpuan kepada usaha berterusan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Selain daripada usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam, pelbagai inisiatif telah diambil merangkumi isu berkaitan jaminan keselamatan, pendidikan dan kesihatan, wanita, belia, kos sara hidup, pengangkutan dan perumahan serta kebajikan sosial.

### *Mewujudkan Kejiraninan yang Selamat dan Harmoni*

Kerajaan terus komited untuk memerangi jenayah bagi menjamin rakyat hidup dalam persekitaran yang selamat. Sehubungan dengan ini, satu daripada sasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pada 2013 adalah untuk mengurangkan indeks jenayah sebanyak 5% setahun. Oleh itu, Kerajaan telah memperuntukkan RM450 juta di bawah NKRA Pengurangan Jenayah.

Dalam usaha mengurangkan kes jenayah dalam negara, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah, termasuk meningkatkan bilangan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk rondaan. Inisiatif ini dikenali sebagai ‘Feet On Street’ yang melibatkan 4,000 pegawai dan anggota Pasukan Gerakan Am, *Stop and Talk* dan *High Profile Policing*. Tumpuan turut diberikan untuk meningkatkan bilangan kehadiran pegawai polis secara fizikal, khususnya di

kawasan padat penduduk di bandar utama bagi membanteras jenayah 24 jam di lapan kawasan kontinen panas di Johor, Kuala Lumpur, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor serta Sabah dan Sarawak.

Unit Rondaan Bermotosikal (URB) juga telah ditubuhkan pada 19 Disember 2012 bagi memantau kawasan perumahan. Bagi tujuan ini, sejumlah RM24.5 juta telah diperuntukkan bagi pembelian 1,000 unit motosikal 250cc yang dilengkapi aksesori seperti topi keledar, sarung tangan, lampu suluh dan baju hujan. Motosikal ini telah diagihkan kepada lapan negeri; Selangor (268), Johor (219), Kuala Lumpur (145), Pulau Pinang (133), Perak (85), Kedah (68), Sabah (68) dan Sarawak (14). Peruntukan tambahan berjumlah RM10 juta telah diberi bagi tujuan pembelian 400 unit motosikal lagi.

Selain itu, bilangan Pasukan Sukarelawan Polis (PVR) telah ditambah bagi membantu polis dalam memerangi jenayah. Sehingga Ogos 2013, sejumlah 10,000 anggota PVR telah dilatih dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM87 juta bagi pengambilan rekrut, latihan, elaun serta kad kuasa. Kerajaan juga telah memasang 496 unit kamera litar tertutup (CCTV) yang meliputi 25 pihak berkuasa tempatan di Johor, Kedah, Melaka, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Terengganu, Sabah dan Sarawak bagi mencegah jenayah jalanan di kawasan bandar.

Kerjasama antara rakyat dan polis merupakan satu usaha penting bagi mewujudkan kawasan kejiranan yang harmoni. Aktiviti kepolisan masyarakat melalui persatuan penduduk telah dipertingkatkan sebagai sebahagian sumbangan rakyat dalam usaha menjadikan bandar kediaman yang selamat. Kerajaan telah menyediakan geran pelancaran sebanyak RM10,000 kepada setiap persatuan penduduk yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Pada Ogos 2013, sebanyak RM14.8 juta telah diagihkan dan memberi manfaat kepada 1,492 persatuan penduduk. Pelaksanaan inisiatif di atas telah menurunkan kadar pecah rumah kepada 3.3% sehingga akhir Ogos 2013.

Pada 2013, Kerajaan memperuntukkan RM20 juta kepada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) sebagai bantuan kepada golongan yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan khidmat peguam. Bantuan ini meliputi semua jenis kesalahan jenayah kecuali yang membawa kepada hukuman mati. Saringan akan dijalankan untuk menentukan kelayakan bagi mendapatkan khidmat peguam pada peringkat perbicaraan. Kira-kira 900 peguam telah mengambil bahagian bagi memberi bantuan guaman. Sehingga Ogos 2013, YBGK telah menyediakan bantuan yang berkaitan jenayah kepada 56,643 rakyat Malaysia pada pelbagai peringkat tangkapan, reman, permohonan ikat jamin dan perbicaraan.

### *Mengurangkan Kos Pembelajaran Pelajar*

Kerajaan prihatin terhadap kebijakan pelajar, khususnya daripada keluarga berpendapatan rendah. Oleh itu, peruntukan khas sebanyak RM2.7 bilion telah disediakan untuk pelajar sekolah rendah dan menengah yang merangkumi geran per kapita, program bantuan makanan asrama, Rancangan Makanan Tambahan, pembelian buku teks dan bantuan yuran persekolahan. Sehingga September 2013, sejumlah RM2.2 bilion telah dibelanjakan untuk tujuan ini.

Bantuan awal persekolahan sebanyak RM100 telah diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah untuk kali kedua. Sehingga Julai 2013, program ini memberi manfaat kepada 5.2 juta pelajar, melibatkan kos RM523 juta. Kerajaan juga meneruskan program Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) kepada semua pelajar institusi pengajian tinggi dan pra-universiti sebanyak RM250 setiap pelajar berbanding RM200 tahun sebelumnya. Sehingga Julai 2013, RM309 juta telah diagihkan yang memanfaatkan lebih 1.2 juta pelajar di seluruh negara.

Untuk menggalakkan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Kerajaan telah memperkenalkan

beberapa insentif seperti pemberian diskaun 20% untuk membayar balik sepenuhnya pinjaman berkuat kuasa 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013. Sejak diumumkan dan sehingga April 2013, lebih 34,000 peminjam telah membayar sepenuhnya pinjaman mereka dengan menikmati diskaun 20%, dan PTPTN telah berjaya mengutip bayaran balik pinjaman berjumlah RM134 juta. Mulai 1 Oktober 2012, peminjam yang membayar balik pinjaman secara konsisten mengikut jadual layak menerima diskaun 10% setahun. Berdasarkan rekod semasa pembayaran balik, sejumlah 28,689 peminjam layak menikmati diskaun 10%.

### *Kesihatan Asas Kesejahteraan*

Perkhidmatan kesihatan di negara ini terus ditambah baik bagi memastikan rakyat kekal sihat seiring dengan jangka hayat yang meningkat. Bagi memudahkan akses kepada perkhidmatan kesihatan, sejumlah RM13 juta diperuntukkan bagi membuka 70 Klinik 1Malaysia. Sehingga Ogos 2013, sebanyak 52 Klinik 1Malaysia telah mula beroperasi di seluruh negara. Selain itu, sejumlah RM100 juta telah diperuntukkan untuk membaik pulih 520 klinik di seluruh negara dan sehingga Ogos 2013, sebanyak 84 klinik telah siap dibaik pulih. Bagi memenuhi keperluan pesakit buah pinggang, sebanyak RM6 juta telah diperuntukkan untuk menyediakan 150 mesin hemodialisis di beberapa hospital kerajaan. Bagi individu yang menghidap penyakit terminal (*terminal illness*), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah membenarkan pengeluaran penuh simpanan di bawah Pengeluaran Hilang Upaya tertakluk kepada pengesahan panel yang dilantik KWSP. Sehingga Ogos 2013, sebanyak 2,366 ahli telah membuat pengeluaran di bawah Pengeluaran Hilang Upaya dengan tuntutan berjumlah RM129 juta.

### *Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*

Wanita memainkan peranan penting dalam institusi keluarga serta turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Untuk

menggalakkan penyertaan wanita dalam ekonomi, beberapa program telah dilaksanakan, termasuk Program Pengarah Wanita, Program Inkubator Usahawan Ibu Tunggal (I-KIT) dan Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNITA). Sebanyak RM50 juta diperuntukkan untuk menyokong penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi.

Program Pengarah Wanita bertujuan untuk membina kompetensi dan kemahiran teknikal bagi membolehkan mereka menduduki lembaga pengarah. Program ini juga akan menyediakan pangkalan data menyeluruh mengenai wanita yang menjalani latihan dan memudahkan syarikat untuk memilih calon bagi lembaga pengarah. Program ini telah memberi manfaat kepada 350 wanita. Program tersebut akan membantu wanita mencapai sekurang-kurangnya 30% sebagai pembuat keputusan dalam sektor korporat atau syarikat senaraian awam menjelang 2016. Sehingga Ogos 2013, lebih RM4 juta telah diagihkan untuk program ini. Program I-KIT dan I-KeuNITA pula dilaksanakan dalam bentuk khidmat nasihat dan latihan bagi meningkatkan keusahawanan wanita dalam pelbagai perusahaan mikro termasuk jahitan, kraf tangan, salun kecantikan dan industri berasaskan makanan. Sehingga September 2013, sebanyak 3,343 ibu tunggal telah dilatih di bawah program I-KIT, manakala 1,532 wanita di bawah program I-KeuNITA. Selain itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga menyediakan geran untuk *Get Malaysian Online Programme* (GMBO). GMBO merupakan program yang membantu 50,000 usahawan mikro, khususnya wanita, untuk memajukan perniagaan mereka melalui jualan dalam talian. SKMM telah menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk inisiatif GMBO dengan geran RM1,000 diberikan kepada setiap perusahaan mikro yang berkelayakan. Keutamaan diberikan kepada perusahaan mikro yang menggaji pekerja sepenuh masa tidak melebihi 10 orang atau berpendapatan tidak melebihi RM200,000 setahun. Sehingga Ogos 2013, kira-kira 4,350 permohonan telah diluluskan dengan agihan geran sebanyak RM4.4 juta.

## Meningkatkan Penyertaan Wanita Dalam Ekonomi


### Pengenalan

Golongan wanita terus memainkan peranan yang semakin penting dalam ekonomi sejak lebih daripada satu abad yang lalu. Banyak bukti menunjukkan bahawa langkah meningkatkan penyertaan tenaga kerja wanita dalam ekonomi adalah penting bagi sesebuah negara untuk mencapai pembangunan ekonomi dan sosial yang mampan, terutamanya dalam persekitaran global yang mencabar dan kompetitif. Menurut *World Development Report on Gender Equality and Development* pada 2012, bagi sesebuah ekonomi beroperasi pada tahap potensinya, ia bukan sahaja penting untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh tetapi juga dalam aktiviti ekonomi yang dapat memaksimumkan sumbangan mereka. Tambahan pula, berikutan penduduk global yang semakin berusia, setiap negara perlu menggunakan limpahan bakat tenaga buruh wanita untuk terus menyokong jumlah tenaga kerja yang dijangka semakin berkurangan yang boleh menjasikan kadar pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan.

### Penyertaan Tenaga Kerja Wanita

Kadar penyertaan tenaga kerja wanita di Malaysia agak rendah jika dibandingkan dengan tahap pembangunan negara, walaupun kadar enrolmen wanita yang lebih tinggi di peringkat pendidikan menengah dan tertiari. Pada 2012, hanya 49.5% wanita berumur antara 15 dan 64 tahun sedang bekerja atau mencari pekerjaan, jauh ketinggalan berbanding negara serantau seperti Thailand (70%),<sup>1</sup> Singapura (58%)<sup>2</sup> dan Indonesia (52%).<sup>1</sup> Peratusan ini tidak banyak berubah sejak lebih sedekad yang lalu malah semakin menurun apabila golongan wanita menaiki tangga korporat ke jawatan yang lebih tinggi. Menurut kaji selidik bersama yang telah dijalankan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dan Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) pada 2012, dua sebab utama golongan wanita terpaksa meninggalkan pekerjaan adalah untuk menjadi suri rumah sepenuh masa dan menjaga ahli keluarga.

CARTA 1



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.



<sup>1</sup> Tenaga Buruh dan Trend Sosial di ASEAN, 2008.

<sup>2</sup> Kaji Selidik Tenaga Buruh Singapura, Jun 2013.

<sup>3</sup> Penyiasatan Tenaga Buruh tidak dijalankan pada 1991 dan 1994.

Di kebanyakan negara maju, trend penyertaan tenaga kerja wanita menunjukkan dua puncak: pertama, apabila golongan wanita menyertai alam pekerjaan selepas menamatkan pendidikan; dan kedua, apabila wanita kembali bekerja selepas tempoh pengasuhan anak. Sebaliknya, di Malaysia, kadar penyertaan semula wanita tidak meningkat. Tambahan pula, wanita Malaysia cenderung untuk bersara lebih awal berbanding lelaki. Penyusutan dalam tenaga kerja wanita memberi implikasi yang besar terhadap pembangunan ekonomi negara, terutamanya pada masa yang kritis ini, di mana modal insan adalah pemangkin yang mampu mempercepat transformasi Malaysia ke arah ekonomi maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

### Perbandingan Kadar Penyertaan Tenaga Kerja Wanita di Malaysia dan Jepun



Sumber: Laporan *Malaysia Economic Monitor 2012, "Unlocking Women's Potential"*.

Selain daripada menyertai pekerjaan formal, wanita yang ingin bekerja sendiri boleh memilih untuk menjadi usahawan. Walau bagaimanapun, perniagaan milik wanita tidak begitu ketara kerana keusahawanan sering dikaitkan dengan lelaki. Pada hakikatnya, bilangan usahawan wanita di Malaysia adalah antara yang terendah di rantau ini. Mengikut laporan Banci Ekonomi 2011, hanya 19.7% daripada perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia dimiliki oleh wanita pada 2010, di mana 91.7% daripadanya terlibat dalam skop feminin di sektor perkhidmatan. Skop ini termasuk perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan pendidikan pra-sekolah, kecantikan dan penjagaan kulit serta latihan dan perundingan.

### **Cabaran yang Dihadapi oleh Wanita Malaysia**

Walaupun pelbagai usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pekerjaan, adalah penting untuk menganalisis faktor asas dan cabaran yang dihadapi oleh mereka. Beberapa halangan yang menjelaskan penyertaan wanita termasuk:

#### **i. Kekurangan Sokongan Untuk Penjagaan Kanak-Kanak**

Kekurangan sistem sokongan bagi penjagaan kanak-kanak dengan harga yang berpatutan, mudah diakses dan berkualiti tinggi masih merupakan masalah utama dalam kalangan wanita. Penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja boleh meringankan beban golongan wanita. Walau bagaimanapun, kebanyakannya majikan, terutamanya di sektor swasta tidak melihat perwujudan kemudahan ini sebagai keperluan mendesak meskipun pelbagai insentif telah disediakan oleh Kerajaan. Pada September 2013, terdapat hanya 27<sup>4</sup> pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar di sektor swasta manakala di sektor awam pula, 98<sup>4</sup> pusat penjagaan kanak-kanak telah ditubuhkan di premis masing-masing. Tambahan pula, sistem pensijilan bagi penyedia perkhidmatan pusat penjagaan kanak-kanak yang tidak seragam serta penguatkuasaan yang lemah ke atas sistem pelesenan dan pensijilan mengehadkan pilihan.

Hasil daripada pembangunan dan pembandaran yang pesat, golongan muda lebih cenderung untuk berhijrah ke bandar raya utama untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik. Dalam usaha membina keluarga, lazimnya golongan ini tidak mempunyai sistem sokongan keluarga lanjutan yang dapat membantu pengasuhan anak-anak mereka. Selain itu, ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bersekolah tidak dapat menguruskan anak mereka selepas waktu persekolahan kerana kurangnya pusat komuniti atau transit di kawasan persekitaran. Sebagai alternatif, ibu bapa yang ingin mengupah pembantu rumah sering dibebankan dengan kos yang terlalu tinggi dan prosedur yang rumit. Oleh yang demikian, golongan wanita sukar untuk mengimbangi antara keperluan kerjaya dan keluarga kerana dibelenggu dengan waktu kerja yang panjang, ditambah pula dengan ketiadaan satu sistem sokongan yang baik. Akibatnya, kaum wanita memilih untuk keluar daripada pekerjaan formal.

#### **ii. Kekurangan Aturan Kerja yang Fleksibel**

Kaji selidik bersama yang dijalankan oleh TalentCorp dan ACCA juga mengesahkan bahawa secara amnya, wanita sanggup memasuki semula pasaran pekerjaan jika terdapat kerja sambilan yang sesuai dan fleksibel untuk menampung komitmen keluarga dan keperluan maternal serta mengoptimumkan keseimbangan kerja dan kehidupan. Walau bagaimanapun, aturan kerja yang fleksibel bukanlah satu kebiasaan di Malaysia. Kebanyakan syarikat swasta keberatan melaksanakan aturan kerja fleksibel kerana khawatir pekerja akan menyalahgunakan kelonggaran sistem tersebut. Sementara itu, bagi sektor awam pula, hanya dua agensi telah melaksanakan aturan kerja fleksibel sebagai projek perintis.


<sup>4</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat.

### iii. Kesukaran Untuk Memasuki Semula Pasaran Kerja

Salah satu daripada cabaran terbesar yang dihadapi oleh golongan wanita ialah untuk memasuki semula pasaran kerja, terutamanya selepas mengambil cuti rehat yang panjang. Golongan wanita sering hilang keyakinan untuk memasuki semula pasaran kerja kerana merasakan mereka tidak celik teknologi serta kemahiran dan hubungan profesional yang ketinggalan zaman. Tambahan pula, mereka yang mengambil cuti rehat jangka pendek khuatir dilihat sebagai kurang komited dan tidak berkemampuan jika dibandingkan dengan rakan sekerja yang masih kekal bekerja. Pengambilan cuti rehat yang panjang kemungkinan besar akan menyekat kemajuan kerjaya mereka.

### iv. Kekurangan Wanita Dalam Jawatan Membuat Keputusan

Kepentingan meningkatkan keseimbangan jantina di lembaga korporat semakin diiktiraf di seluruh dunia. Namun demikian, sehingga September 2013, hanya 4.2% Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Fortune 500 adalah wanita. Di Malaysia, sektor awam telah mencapai sasaran 30% wanita dalam jawatan membuat keputusan pada 2011, manakala sektor swasta masih ketinggalan dengan hanya 7.7% wanita menduduki lembaga korporat syarikat tersenarai awam (PLC) pada 2012. Di arena politik pula, antara negara Asia Timur pada 2011, Malaysia mempunyai perwakilan kaum wanita yang terendah, iaitu 10.4% di Parlimen. Kini, hanya 23 daripada 222 ahli parlimen terdiri daripada wanita. Tambahan pula, hanya dua daripada 35 portfolio kabinet disandang oleh wanita.



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam, 2011.

Dalam usaha untuk menyediakan suasana kerja yang kondusif untuk golongan wanita, Kerajaan juga menggalakkan PLC untuk melaporkan amalan dan dasar penyertaan wanita dalam laporan tahunan mereka. Sehubungan dengan itu, banyak PLC telah melaporkan peratusan wanita yang memegang jawatan dalam peringkat pengurusan profesional dan atasan serta menyediakan maklumat mengenai amalan dan dasar bersesuaian untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam organisasi mereka.

#### v. Kelemahan Perlindungan Berkanun dan Keperluan Perubahan Minda

Walaupun Akta Pekerjaan 1955 telah dipinda untuk melanjutkan faedah bersalin, menjenayahkan gangguan seksual dan menggalakkan fleksibiliti di tempat kerja, masih terdapat beberapa perkara dalam Akta tersebut yang mendiskriminasikan pekerja wanita. Akta ini tidak mewajibkan majikan menggunakan pakai Kod Amalan Gangguan Seksual dan memberi kelonggaran kepada majikan untuk mentakrifkan sendiri gangguan seksual di tempat kerja. Selain itu, golongan wanita di sektor pertanian dan perindustrian masih dilarang bekerja pada waktu malam kecuali mendapat kebenaran Ketua Pengarah, Jabatan Tenaga Buruh.

Tambahan pula, terdapat keperluan yang mendesak untuk mengubah minda masyarakat kerana secara tradisi, wanita sentiasa dilihat sebagai suri rumah dan lelaki sebagai penyara keluarga. Selari dengan peningkatan pencapaian tahap pendidikan dan penglibatan wanita secara aktif dalam ekonomi, persepsi masyarakat terhadap peranan tradisional yang dimainkan oleh wanita juga perlu diubah sewajarnya. Walau bagaimanapun, sehingga kini, golongan wanita masih menghadapi kesukaran untuk mencapai keseimbangan yang memuaskan kerana norma masyarakat yang berakar umbi mungkin memerlukan jangka masa yang panjang untuk berubah.

#### Inisiatif Semasa Kerajaan

Menyedari potensi golongan wanita dalam ekonomi, Kerajaan telah memperkenal dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk terus memperkasa penglibatan golongan wanita dalam ekonomi. Rancangan Malaysia Kesepuluh mensasarkan penglibatan golongan wanita dalam tenaga kerja kepada 55% menjelang 2015. Selain itu, Kerajaan bukan sahaja berhasrat untuk memberi insentif kepada golongan wanita untuk menyertai tenaga buruh tetapi juga menambah baik kualiti penglibatan mereka dengan meningkatkan bilangan wanita yang menduduki lembaga korporat dan jawatan pengurusan atasan; memberi sokongan kepada golongan wanita dalam situasi yang mencabar; serta menghapuskan segala diskriminasi terhadap kaum wanita. Usaha ini direalisasikan melalui pelaksanaan dasar kerja yang menggalakkan fleksibiliti di sektor awam dan swasta, mewujudkan suasana kerja yang lebih mesra keluarga dan juga meningkatkan penyertaan golongan wanita dalam aktiviti keusahawanan melalui pembiayaan mikrokredit.

Di bawah Model Baru Ekonomi, melalui Inisiatif Pembaharuan Strategik bagi Pembangunan Modal Insan, satu pelan hala tuju untuk memanfaatkan bakat wanita telah dirangka. Pelan ini menggariskan langkah khusus untuk pembangunan kerjaya golongan wanita. Antara inisiatif utama di bawah pelan ini termasuk menetapkan sasaran minimum 30% wanita memegang jawatan membuat keputusan di sektor korporat menjelang 2016, menambah insentif untuk meningkatkan bilangan pusat jagaan kanak-kanak serta menyediakan latihan amali berstruktur dan peluang penempatan pekerjaan untuk golongan wanita.

**JADUAL 1****Program Terpilih Bagi Meningkatkan Penyertaan Wanita Dalam Ekonomi**

Bil.	Program	Objektif	Status
1.	Program Keusahawanan Wanita	Melatih dan melahirkan 4,000 usahawan wanita yang akan menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM3,500.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Dari Januari 2009 hingga Disember 2012, sebanyak 4,300 golongan wanita telah dilatih sebagai usahawan.</li> <li>➤ Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2013, sebanyak 650 wanita telah dilatih.</li> </ul>
2.	Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNITA) dan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT)	Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan golongan wanita yang berpendapatan rendah dan ibu tunggal melalui program keusahawanan dalam pelbagai bidang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Sehingga September 2013, sebanyak 1,532 wanita telah dilatih di bawah I-KeuNITA manakala 3,343 ibu tunggal telah mengambil bahagian dalam program I-KIT di seluruh negara.</li> </ul>
3.	Projek DNA Ungu	Memanfaatkan kemahiran dan bakat kumpulan terpinggir dan orang istimewa, termasuk orang kurang upaya, ibu tunggal dan warga emas serta menyediakan peluang menjana pendapatan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Dari Mei 2012 hingga September 2013, sejumlah 126 wanita telah mendaftar dalam projek DNA Ungu.</li> </ul>
4.	<i>Housewives Enhancement and Reactivate Talent Scheme (HEARTS)</i>	Program perintis untuk melatih 400 wanita untuk terlibat secara aktif di dalam bidang khusus, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk menggalakkan mereka bekerja sendiri dan meningkatkan pendapatan isi rumah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Setakat 4 Oktober 2013, sebanyak 165 wanita sedang dilatih di bawah program ini.</li> </ul>
5.	Bazar Wanita 1Malaysia	Menyediakan peluang perniagaan kepada usahawan wanita berpendapatan rendah untuk turut serta di pasaran pertanian, pusat transformasi luar bandar (RTC), dan pusat transformasi bandar di seluruh negara.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Sejak dilancarkan pada 14 Disember 2012, dua Bazar Wanita 1Malaysia telah ditubuhkan di Putrajaya dan RTC Kelantan yang melibatkan 48 usahawan wanita.</li> </ul>

Bil.	Program	Objektif	Status
6.	Portal <i>Flexworklife.my</i>	Meningkatkan kesedaran mengenai keseimbangan jantina dan penyertaan dalam tenaga buruh melalui repositori amalan dan idea terbaik mengenai kemudahan mesra keluarga dan dasar kerja yang fleksibel di tempat kerja.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Setakat 31 Ogos 2013, sebanyak 27 syarikat telah mengiklankan pekerjaan yang menawarkan fleksibiliti di tempat kerja dalam portal tersebut.</li> <li>➤ Sebanyak 15 syarikat dan jabatan kerajaan telah berkongsi amalan kerja terbaik dalam portal tersebut.</li> </ul>
7.	Program Pengarah Wanita	Meningkatkan bilangan wanita dalam jawatan membuat keputusan di sektor swasta kepada 30% melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menempatkan 20 pengarah wanita di PLC.</li> <li>• Melatih 500 calon pengarah wanita dalam kemahiran insaniah, kewangan korporat dan simulasi bilik mesyuarat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Sejak pelancaran program hingga September 2013, sebanyak 520 wanita dilatih di bawah program ini.</li> <li>➤ Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2013, sebanyak 74 pengarah wanita ditempatkan di PLC.</li> </ul>
8.	Pemandu Teksi Wanita	Memberi peluang kepada golongan wanita dan ibu tunggal untuk bekerja sebagai pemandu teksi bagi menjana pendapatan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Setakat Julai 2013, sebanyak 30 wanita telah bekerja sebagai pemandu teksi.</li> </ul>
9.	Geran Pelancaran Keusahawanan	Pemberian geran <i>one-off</i> sebanyak RM2,700 kepada ibu tunggal yang berminat untuk menubuhkan perniagaan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pada 2012, sejumlah RM359,860 diberikan sebagai modal kepada ibu tunggal untuk memulakan perniagaan.</li> </ul>

Bil.	Program	Objektif
10.	Program Bantuan dan Insentif Pusat Jagaan Kanak-Kanak	<p>Menubuhkan lebih banyak pusat asuhan kanak-kanak bagi mendorong golongan wanita untuk menyertai tenaga buruh.</p> <p>Insentif ini termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ <b>Geran berjumlah RM200,000</b> kepada Kementerian untuk menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di premis mereka.</li> <li>✓ <b>Elaun Bangunan Industri dengan kadar 10% setahun</b> kepada majikan ke atas penyediaan bangunan pusat jagaan kanak-kanak untuk pekerja.</li> <li>✓ <b>Geran sehingga RM10,000</b> diperuntuk kepada sektor swasta untuk menubuhkan pusat pendidikan awal kanak-kanak.</li> <li>✓ <b>Potongan dua kali ke atas perbelanjaan</b> yang dilakukan oleh majikan bagi menyedia dan menyelenggara pusat jagaan kanak-kanak dan ke atas elaan jagaan anak yang diberi kepada pekerja.</li> <li>✓ <b>Pemberian geran mengurus tahunan sebanyak RM2.6 juta</b> bagi pengurusan TASKA 1Malaysia.</li> <li>✓ <b>Subsidi yuran penjagaan anak sebanyak RM180</b> untuk setiap kanak-kanak bagi keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan di sektor awam.</li> <li>✓ Insentif cukai bagi pengusaha swasta pusat jagaan kanak-kanak iaitu <b>pengecualian cukai pendapatan selama lima tahun</b>.</li> <li>✓ <b>RM3 juta diperuntukkan pada 2013 bagi menubuhkan TASKA OKU</b> bagi kanak-kanak yang mengalami Down Sindrom; autisme; kecacatan visual, pendengaran, pertuturan dan fizikal; serta kesukaran pembelajaran.</li> </ul>

### Kesimpulan

Golongan wanita di Malaysia telah menyumbang secara ketara kepada pembangunan ekonomi dan negara. Kesamarataan gender dalam bidang pendidikan telah membantu kaum wanita untuk berkecimpung dalam khidmat masyarakat, politik, perniagaan dan pasaran kerja. Walau bagaimanapun, wanita kekal sebagai sumber yang kurang dimanfaatkan. Langkah untuk menggalakkan penglibatan golongan wanita yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi dalam ekonomi akan meningkatkan inovasi, menambah kelebihan berbanding dan menjana pertumbuhan ekonomi dengan tokokan kos yang kecil. Perbezaan perspektif dan pengalaman yang diketengahkan oleh golongan wanita dalam membuat keputusan dan pelaksanaan juga akan menghasilkan hasil yang lebih baik. Tambahan pula, dalam suasana persaingan yang sengit untuk menarik tenaga kerja mahir di peringkat global, penglibatan golongan wanita dalam ekonomi akan membantu menangani masalah kekurangan bakat negara.

Menyedari potensi wanita dalam membantu negara mencapai pertumbuhan mampan dan berterangkuman serta ekonomi berpendapatan tinggi, Kerajaan telah mengambil usaha bersepada untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam ekonomi. Oleh itu, amatlah penting bagi sektor swasta dan masyarakat umum menyedari keperluan kritikal untuk melibatkan wanita dalam ekonomi demi mencipta masa depan yang lebih baik untuk Malaysia.

Berikutnya peningkatan insiden penyakit kritis dalam kalangan wanita, terutamanya kanser payudara. Kerajaan telah menyediakan RM25 juta untuk pemeriksaan mamogram percuma. Pada masa ini, program subsidi untuk pemeriksaan mamogram telah dilaksanakan di 58 klinik Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 16 klinik Kementerian Kesihatan serta 61 pusat swasta berdaftar di bawah program ini. Sejak pelaksanaannya, lebih 25,200 wanita berumur 35 tahun ke atas telah menjalani pemeriksaan mamogram dan 45 wanita telah didiagnosis mempunyai penyakit kanser payudara. Sehingga Ogos 2013, sebanyak RM5 juta telah dibelanjakan untuk program ini.

Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada kesejahteraan masyarakat, terutamanya dalam meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan rendah. Dalam hal ini, sebanyak RM400 juta telah diperuntukkan untuk program 1AZAM. Program ini melibatkan aktiviti berskala kecil seperti pertanian, perusahaan mikro dan subsektor perkhidmatan. Sehingga Ogos 2013, sejumlah RM30 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan pelbagai program. Sebanyak RM41.4 juta lagi telah diperuntukkan untuk projek AZAM Tani di bawah fasa kedua Program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0). Projek ini meliputi lapan sektor utama iaitu tanaman, perikanan, ternakan, pemprosesan, perniagaan berasaskan pertanian, perkhidmatan pemasaran/infrastruktur, perkhidmatan pertanian dan kraf tangan. Sehingga Ogos 2013, lebih RM37 juta telah dibelanjakan dan memanfaatkan 3,176 keluarga.

Selain pembangunan masyarakat, program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) diperkenalkan sebagai sebahagian daripada inisiatif jaringan keselamatan sosial dengan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion. Program ini melibatkan kanak-kanak, golongan kurang upaya, warga tua, keluarga miskin dan ibu bapa tunggal. Sehingga Ogos 2013, KAR1SMA telah memberi manfaat kepada 514,066 kumpulan sasar.

Kerajaan telah menubuhkan lima Anjung Kasih sebagai tempat tinggal sementara untuk pesakit miskin atau pengiring bagi mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan. Kemudahan tersebut terdapat di Hospital Sibu, Hospital Miri, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh, Hospital Tuanku Jaafar Seremban dan Hospital Permaisuri Bainun Ipoh. Program ini melibatkan peruntukan RM5 juta dan sehingga Ogos 2013, sebanyak 10,200 pesakit dan pengiring telah mendapat manfaat.

### *Belia dan Sukan*

Belia merupakan satu daripada tonggak penting pembangunan negara melalui penyertaan aktif belia dalam sukan dan keusahawanan ke arah mencapai perpaduan negara. Sebanyak RM15 juta telah diperuntukkan untuk Program Sukan Berprestasi Tinggi bagi persediaan atlet ke sukan antarabangsa, terutamanya Sukan SEA 2013, Sukan Paralimpik ASEAN 2013, Sukan Komanwel pada 2014 dan Sukan Asia pada 2014. Sehingga September 2013, lebih RM18.9 juta telah diagihkan untuk pelaksanaan program ini dengan 458 atlet dan 90 jurulatih sedang menjalani latihan sepenuh masa. Sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan untuk tempoh 4 tahun bagi program "Road to Rio", khususnya bagi persediaan menjelang Sukan Olimpik 2016. Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan bagi membina padang bola pertama dengan *artificial turf* di Kompleks Belia dan Sukan di Paroi, Negeri Sembilan. Kos pemasangan padang rumput tiruan ini berjumlah RM2.5 juta dan telah dibuka untuk kegunaan orang ramai pada 1 Mac 2013. Menyedari bahawa sukan menjadi pemangkin kepada perpaduan nasional, Kerajaan telah membina 1,870 Gelanggang Futsal 1Malaysia (GF1M) di seluruh negara bagi menarik belia bersatu dan mengalakkan perpaduan.

Bagi meningkatkan minat keusahawanan dalam kalangan belia, Pertandingan Lautan Biru 1Malaysia For Youth (1M4U) telah diadakan bagi mencetus idea kreatif dan inovatif melalui pertandingan di

peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Tiga cetusan idea terbaik telah diperuntukkan RM3 juta di bawah Dana ‘The Big Dre1m’. Sehingga kini, sejumlah RM1.9 juta telah dibelanjakan untuk program ini.

Sebagai usaha untuk membolehkan belia terdedah kepada gerbang maklumat, Kerajaan menawarkan rebat *one-off* sebanyak RM200 di bawah Pakej Komunikasi Belia bagi pembelian telefon pintar 3G daripada pengedar rasmi. Pakej ini ditawarkan kepada belia berumur 21 hingga 30 tahun yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah dengan melibatkan peruntukan RM300 juta dan memanfaatkan 1.5 juta belia. Sehingga Ogos 2013, RM260 juta telah diagihkan kepada lebih 1.3 juta belia.

#### *Pembangunan Luar Bandar dan Masyarakat Orang Asli*

Kerajaan terus memberikan tumpuan dalam membangunkan kawasan luar bandar bagi memastikan tiada golongan tertentu terpinggir daripada pembangunan arus perdana. Dalam Bajet 2013, sejumlah RM4.5 bilion diperuntukkan untuk pembangunan projek infrastruktur luar bandar dengan sejumlah RM1.2 bilion bagi membina dan menaik taraf jalan luar bandar dan perhubungan desa. Sehingga Ogos 2013, RM896.2 juta atau 75.1% daripada peruntukan telah dibelanjakan.

Sejumlah RM1.6 bilion atau 36% juga telah diperuntukkan untuk pembangunan projek utiliti iaitu bekalan air dan elektrik di kawasan luar bandar. Di bawah projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), sejumlah RM961 juta diperuntukkan dengan 55.5% telah dibelanjakan sehingga Ogos 2013 bagi menyediakan bekalan elektrik 24 jam kepada 19,811 rumah di kawasan berkenaan. Baki peruntukan RM703 juta telah disalurkan untuk menyediakan bekalan air bersih dan terawat di bawah projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB). Sehingga Ogos 2013, kira-kira 78% telah dibelanjakan yang memanfaatkan 24,000 rumah di luar bandar.

Program Desa Lestari di bawah GTP 2.0 juga memberi tumpuan kepada kesejahteraan penduduk kampung dengan meningkatkan modal insan, menaik taraf infrastruktur, dan memperkuuh aktiviti ekonomi mereka melalui penubuhan koperasi. Program ini melibatkan 42 kampung di seluruh negara dengan jumlah peruntukan RM137 juta di bawah Bajet 2013. Sehingga Ogos 2013, cadangan bagi menubuhkan koperasi untuk 29 kampung telah diluluskan.

Kerajaan telah memperuntukkan RM88.5 juta untuk program pembangunan ekonomi dan projek bekalan air masyarakat Orang Asli. Sehingga Ogos 2013, sebanyak RM17.3 juta dibelanjakan bagi pelbagai program, termasuk rawatan air, kemudahan awam, pembangunan minda dan *telecentre*. Selain itu, sejumlah RM100 juta telah dibelanjakan untuk membekalkan 40,000 tangki air menggunakan kaedah tадahan air hujan, terutamanya kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Sebanyak 20,000 tangki air telah selesai diagihkan masing-masing kepada 36 daerah di Sabah pada Julai 2013 dan 34 daerah di Sarawak pada Jun 2013.

#### *Memperluas Rangkaian Pengangkutan Awam Bandar*

Berikutan kejayaan pelaksanaan Rapid KL dan Rapid Penang, Syarikat Prasarana Negara Berhad telah melancarkan Rapid Kuantan pada 1 Disember 2012. Kira-kira 12 juta penumpang setiap bulan telah mendapat manfaat daripada ketiga-tiga perkhidmatan bas tersebut. Oleh kerana sambutan yang amat baik daripada rakyat, perkhidmatan bas sedemikian akan diperluaskan ke bandar-bandar utama lain.

Seterusnya, bermula 1 November 2012, Kerajaan telah memperluaskan diskaun 50% tambang KTM Komuter kepada rakyat berpendapatan bulanan RM3,000 ke bawah bagi tempoh satu tahun. Sebelum ini hanya pesara, orang kurang upaya dan pelajar layak untuk diskaun tersebut. Sehingga Jun 2013, diskaun ini telah dinikmati oleh 158,000 penumpang.

### *Perumahan untuk Rakyat*

Usaha berterusan telah diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah golongan berpendapatan sederhana untuk memiliki rumah mampu milik. Pada 2013, RM1.9 bilion diperuntukkan bagi membantu pembinaan 123,000 unit rumah mampu milik di lokasi strategik oleh Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Jabatan Perumahan Negara. Daripada jumlah tersebut, PR1MA telah diperuntukkan RM500 juta untuk membina 50,000 rumah di lokasi utama seluruh negara dan RM500 juta lagi bagi membina 30,000 rumah dengan kerjasama pemaju perumahan swasta. Program pembinaan rumah berharga antara RM100,000 dan RM400,000 seunit dijangka siap dalam tempoh tiga tahun dan akan memberi manfaat kepada lebih 320,000 rakyat. Harga rumah PRIMA pada amnya lebih rendah 20% daripada harga pasaran dan dijual melalui sistem pengundian terbuka.

Bagi golongan berpendapatan rendah, SPNB diperuntukkan RM320 juta untuk membina 22,855 unit kediaman, termasuk 1,855 apartmen kos sederhana, dan 10,000 Rumah Mesra Rakyat yang dijangka siap menjelang 2015. Sementara itu, Jabatan Perumahan Negara diperuntukkan RM543 juta untuk melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) yang melibatkan 20,454 unit untuk dibina dengan kaedah *Industrialised Building System*.

Bagi membantu golongan muda memiliki rumah pertama, Kerajaan telah melonggarkan syarat Skim Rumah Pertamaku yang sebelum ini disediakan bagi mereka berpendapatan RM3,000 ke bawah. Pada Januari 2013, skim tersebut telah disemak semula dengan meningkatkan had pendapatan bulanan sehingga RM5,000 atau pendapatan bersama sehingga RM10,000. Sehingga Ogos 2013, sebanyak 108 permohonan telah diluluskan oleh sistem perbankan.

### *Penyeragaman Harga*

Dalam usaha mengurangkan peningkatan kos sara hidup serta menangani perbezaan harga antara Semenanjung dengan Sabah dan

Sarawak, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Penyeragaman Harga. Di bawah skim ini, RM386 juta diperuntukkan untuk pelbagai inisiatif, termasuk pemberian subsidi pengangkutan dan penubuhan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) bagi memenuhi keperluan rakyat di Sabah dan Sarawak serta Labuan. Untuk melaksana program KR1M di ketiga-tiga kawasan tersebut, sebanyak RM87 juta diperuntukkan dan sehingga Ogos 2013, tujuh KR1M telah beroperasi, manakala 20 lagi akan dibina secara berperingkat.

### *Bantuan Rakyat 1Malaysia*

Berikutnya kejayaan pelaksanaan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada 2012 yang telah memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah, Kerajaan meneruskan pemberian bantuan tunai RM500 pada 2013. Bantuan tunai RM250 dipanjangkan kepada individu bujang berumur 21 tahun ke atas yang berpendapatan tidak melebihi RM2,000 sebulan. Sebanyak RM2.9 bilion telah diagihkan dan memanfaatkan 4.8 juta isi rumah dan 2 juta individu bujang.

### *Program Jalur Lebar untuk Rakyat Miskin di Bandar*

Bagi mewujudkan generasi celik IT serta melengkapkan rakyat dengan maklumat terkini, Kerajaan telah menukuhan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) di kawasan bandar yang mempunyai PPR. PI1M dilengkapi dengan kemudahan komputer dan perkhidmatan jalur lebar bagi meningkatkan aktiviti sosio-ekonomi. Bagi tujuan ini, SKMM telah menyediakan peruntukan sebanyak RM150 juta. PI1M yang pertama telah dilancarkan di PPR Seri Pantai di Pantai Dalam pada 26 Mac 2013. Sehingga Ogos 2013, sejumlah 359 PI1M telah ditubuhkan di seluruh negara dan memberi manfaat kepada 700,000 pengguna.

### *Menggalakkan Aktiviti Tanggungjawab Sosial*

Kerajaan sentiasa menggalakkan penyertaan aktif sektor swasta, badan korporat dan GLC dalam CSR. Dalam hal ini, GLC dan syarikat swasta

telah melaksanakan beberapa program CSR yang menyumbang kepada kesejahteraan rakyat. Antara program ini, termasuk perumahan, Klinik Bergerak 1Malaysia, pembangunan komuniti dan pemberian biasiswa.

FELDA pula akan meneruskan pembinaan 20,000 unit Perumahan Generasi Baharu di kawasan FELDA seluas 5,000 ekar dalam tempoh lima tahun melibatkan kos RM1.5 bilion. Sehingga Julai 2013, sejumlah RM513 juta telah dibelanjakan untuk membina 5,349 unit rumah di wilayah Jengka, Mempaga, Kuantan, Segamat dan Sahabat. Selain itu, FELDA juga telah memperuntukkan RM60 juta untuk memulihkan rumah kampung tradisional. Program ini dibahagikan kepada tiga fasa bagi tempoh 2012 – 2014, dengan 4,000 rumah akan dibaiki setiap tahun. Sehingga Mei 2013, FELDA telah berjaya membaiki 5,780 rumah kampung tradisional, melebihi sasaran yang ditetapkan dengan perbelanjaan sebanyak RM19 juta. FELDA juga telah memperuntukkan RM60 juta untuk pendidikan dan program latihan kemahiran serta biasiswa kepada 4,000 generasi baharu, termasuk 1,200 pelajar daripada luar skim FELDA. Sehingga Julai 2013, sejumlah RM39 juta telah dibelanjakan bagi program ini.

Selain itu, dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) telah menyediakan bantuan kewangan untuk mewujudkan 13 Klinik Bergerak 1Malaysia bagi menyediakan kemudahan asas kesihatan kepada kira-kira 35,000 rakyat di luar bandar. Sehingga September 2013, sebanyak sembilan bas telah beroperasi di Johor, Perak, Selangor, Kelantan dan Pahang. Begitu juga tiga bot sedang beroperasi di Baram dan Rajang, Sarawak dan Kinabatangan, Sabah. Tambahan satu bot akan beroperasi di Semporna, Sabah.

#### *Membasmi Rasuah*

Kerajaan terus menggiatkan usaha membanteras rasuah bagi meningkatkan keyakinan rakyat, terutama melalui projek NKRA memerangi rasuah dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Sejumlah RM276 juta telah diperuntukkan kepada SPRM pada 2013. SPRM

telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memerangi rasuah termasuk: menjalin kerjasama strategik dengan agensi luar; meningkatkan keupayaan penyiasatan forensik; membangunkan Sistem Pengurusan Aduan; memendekkan masa perbicaraan; memperkenalkan kaedah penyiasatan secara berpasukan; mewujudkan kemudahan Bilik Siasatan Bervideo; dan melaksanakan modul latihan berstruktur.

#### *Memacu Transformasi Komuniti*

Kerajaan akan terus mengutamakan kesejahteraan semua lapisan rakyat dengan memperkenalkan Program Transformasi Komuniti (CTP) yang membolehkan semua masyarakat di kawasan bandar dan luar bandar mendapat manfaat sepenuhnya daripada kekayaan negara. CTP terdiri daripada dua komponen, iaitu Program Transformasi Bandar (UTP) dan Program Transformasi Luar Bandar (RTP). Unit Strategik Kebangsaan di bawah Kementerian Kewangan telah ditubuhkan pada 16 November 2012 untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan program serta memastikan hubung kait yang kukuh terjalin antara program UTP dan RTP demi kebaikan rakyat.

Bagi menyediakan perkhidmatan bersepada kepada rakyat, Kerajaan telah menubuhkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) yang berperanan sebagai pusat sehenti untuk menyediakan perkhidmatan yang diperlukan melalui jalinan kerjasama strategik antara agensi Kerajaan dan sektor swasta. Sehingga Ogos 2013, empat RTC telah beroperasi di Perak, Kelantan, Melaka dan Pahang. Seiring dengan peningkatan permintaan ke atas perkhidmatan yang berkualiti daripada penduduk bandar, Kerajaan telah memperkenalkan Pusat Transformasi Bandar (UTC) pada 2012. UTC menyediakan akses kepada perkhidmatan awam dan swasta yang lebih berkualiti dan meluas di bawah satu bumbung. Sehingga Ogos 2013, lima UTC telah ditubuhkan iaitu di Melaka, Kuala Lumpur, Perak, Pahang dan Kedah. Sementara itu, UTC Sabah masih dalam pembikinan dan dijangka siap pada November 2013.

## Maklumat Terkini Program Transformasi Komuniti

### Latar Belakang

Program Transformasi Komuniti (CTP) adalah satu daripada program Dasar Transformasi Nasional yang berhasrat mengubah Malaysia menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. CTP terdiri daripada dua komponen, iaitu Program Transformasi Luar Bandar (RTP) dan Program Transformasi Bandar (UTP). Program-program ini bertujuan untuk mendekati rakyat secara langsung dan membolehkan semua masyarakat mendapat manfaat sepenuhnya daripada kekayaan negara.

RTP berhasrat untuk mencergaskan semula kawasan luar bandar menjadi kawasan yang maju, produktif dan lokasi yang selamat dengan memberi tumpuan kepada beberapa projek utama. Projek-projek ini termasuk penubuhan kampung abad ke-21 dan infrastruktur asas luar bandar, penubuhan Majlis Pembangunan Luar Bandar, penubuhan Pusat Transformasi Luar Bandar, dan pembangunan Pangkalan Data Induk RTP.

UTP pula dilaksanakan untuk menangani isu-isu bandar secara holistik seperti mewujudkan peluang pekerjaan; mempertingkatkan pencapaian pendidikan dan kemahiran; menyediakan rumah mampu milik selain sistem pengangkuatan dan perkhidmatan yang berkualiti. Ini akan dilaksanakan melalui beberapa inisiatif seperti Program Pembasmian Kemiskinan Bandar, Program Perumahan Bandar, Program Pengangkutan Bandar dan Program Transformasi Bandar.

### Sorotan RTP

Projek	Penerangan	Sasaran	Pencapaian
Kampung Abad ke-21 (CV).	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk memberi peluang kepada masyarakat kampung melibatkan diri dalam perancangan dan pelaksanaan projek.</li> <li>Untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.</li> <li>Untuk menggalakkan belia memilih keusahawanan sebagai satu kerjaya.</li> <li>Untuk mewujudkan kawasan luar bandar yang lebih segar dan menarik untuk didiami dan bekerja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan 42 Kampung Abad ke-21.</li> <li>Anggaran 37,800 isi rumah atau 189,000 orang dijangka akan mendapat manfaat daripada program ini.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sehingga Ogos 2013, sebanyak 29 CV telah dikenal pasti untuk melaksanakan projek ekonomi yang dapat menyediakan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan yang tinggi untuk penduduk kampung.</li> </ul>

Projek	Penerangan	Sasaran	Pencapaian
Infrastruktur Asas Luar Bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk pembinaan jalan raya.</li> <li>• Untuk menambah baik bekalan air.</li> <li>• Untuk membekalkan sambungan elektrik.</li> <li>• Untuk membina dan membaik pulih rumah.</li> </ul>	<p>GTP 1.0 dan GTP 2.0</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 99% penduduk luar bandar di Semenanjung Malaysia dan 95% penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak akan mempunyai akses jalan raya.</li> <li>• 99% akan mempunyai akses jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan elektrik 24 jam.</li> </ul>	<p>Di bawah GTP 1.0</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jalan raya berturap sepanjang 3,349.6 km.</li> <li>• Pembinaan dan membaik pulih 53,376 rumah.</li> <li>• Bekalan elektrik kepada 95,300 rumah.</li> <li>• Bekalan air kepada 297,067 rumah.</li> </ul> <p>Di bawah GTP 2.0 (sehingga Ogos 2013)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jalan raya (Semenanjung = 39.0km, Sabah=36.07km, Sarawak=50.9km)</li> <li>• 24,254 rumah daripada jangkaan 24,000 rumah telah mempunyai akses bekalan air.</li> <li>• 9,260 rumah telah mendapat bekalan elektrik 24 jam.</li> </ul>
Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk menyediakan pusat sehenti bersepudu agensi kerajaan dan sektor swasta.</li> <li>• Untuk melaksanakan lapan inisiatif RTC, iaitu latihan kemahiran, kiosk maklumat 1Malaysia, pertanian bernilai tinggi, pemprosesan pertanian, pengurusan rantai bekalan, usaha sama universiti, perkhidmatan kesihatan 1Malaysia dan sokongan kewangan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lima RTC baru di Kulai (Johor), Jitra (Kedah), Jawi (Pulau Pinang), Kuala Terengganu (Terengganu) dan Miri (Sarawak) dijangka akan memulakan operasi pada 2013.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelima-lima RTC kini di pelbagai peringkat pelaksanaan.</li> <li>• Pada masa ini, empat RTC telah beroperasi, iaitu RTC Gopeng (Perak), RTC Kota Baharu (Kelantan), RTC Kuala Linggi (Melaka) dan RTC Pekan (Pahang).</li> </ul>

**Sorotan UTP**

Projek	Penerangan	Sasaran	Pencapaian
Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk menyediakan bantuan sewa rumah.</li> <li>Untuk menyediakan bantuan perumahan bandar.</li> <li>Untuk memberikan latihan kemahiran dan keusahawanan (NKRA-AZAM Bandar).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan bantuan sewa rumah kepada 5,500 ketua isi rumah.</li> <li>Menyediakan bantuan pembinaan 314 rumah baharu dan membaik pulih 100 unit.</li> <li>Menyediakan latihan kemahiran dan keusahawanan kepada 1,600 ketua isi rumah bagi membantu mereka meningkatkan pendapatan.</li> </ul>	<p>Sehingga 19 Ogos 2013:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan sewa rumah telah diberi kepada 4,242 ketua isi rumah.</li> <li>Bantuan telah diberi untuk pembinaan 204 rumah baharu dan membaik pulih 113 rumah.</li> <li>Latihan kemahiran dan keusahawanan untuk 1,760 ketua isi rumah.</li> </ul>
Program Perumahan Bandar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk menyediakan perumahan yang berkualiti dan mampu milik kepada isi rumah berpendapatan sederhana di bandar-bandar utama melalui PR1MA.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Fasa satu: membina 850,000 rumah dalam tempoh 10 hingga 15 tahun di bandar-bandar utama.</li> <li>Fasa dua: membina 60,000 unit (kediaman dan komersial) di kawasan pinggir bandar menjelang 2015.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Fasa satu: Pembinaan 42,000 rumah telah dilancarkan di 20 lokasi strategik termasuk Putrajaya Presint 11, Seremban Utara dan Sentral, Penang, Nusantara Prima dan Damai.</li> </ul>
Program Pengangkutan Bandar.	<p>MY Rapid Transit (MRT) Jajaran 1 Sungai Buloh ke Kajang</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Fasa satu dari Sungai Buloh ke Semantan.</li> <li>Fasa dua dari Semantan ke Kajang.</li> </ul> <p>Transit aliran ringan (LRT) Projek Lanjutan Jajaran Jajaran Kelana Jaya (KLJ)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Dipanjangkan sebanyak 17km dan akan bergerak melalui Subang, Subang Jaya, USJ dan Putra Heights.</li> </ul> <p>Jajaran Ampang (AMG)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Dilanjutkan 17.7 km dan akan melalui Bukit Jalil, Bandar Kinrara, Puchong, Kg Sri Aman dan Putra Heights.</li> </ul>	<p>Jajaran MRT 1</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Fasa satu akan mula beroperasi menjelang akhir 2016.</li> <li>Fasa dua akan mula beroperasi menjelang Julai 2017.</li> </ul> <p>Lanjutan Jajaran LRT</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>KLJ dan AMG dijangka siap menjelang akhir 2014.</li> </ul>	<p>Kemajuan Jajaran MRT 1 (Sehingga 30 Jun 2013):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>kemajuan kerja-kerja fizikal: 21.5%.</li> <li>68% daripada jumlah nilai kontrak (RM23 bilion) telah dianugerahkan.</li> </ul> <p>Kemajuan Lanjutan Jajaran LRT (sehingga 31 Julai 2013):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kemajuan KLJ adalah pada 52.2%.</li> <li>Kemajuan AMG adalah pada 30.3%.</li> </ul>
Pusat Transformasi Bandar (UTC).	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk menyediakan pusat sehenti bersepadu bagi pelbagai perkhidmatan awam dan swasta.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membina tiga UTC di Sabah, Sarawak dan Johor.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>UTC baharu in Kedah.</li> <li>Satu UTC di Perak, Pahang, Melaka, dan Kuala Lumpur.</li> <li>Satu Mini UTC di Sentul, Kuala Lumpur.</li> </ul>

### Sorotan Mobile CTC

Projek	Penerangan	Sasaran	Pencapaian
Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC).	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk menyediakan perkhidmatan asas <i>key touch-point</i> kepada penduduk di kawasan luar bandar dan tinggal jauh dari UTC dan RTC.</li> <li>Untuk menyediakan kaunter perkhidmatan oleh pelbagai jabatan dan agensi, seterusnya menyampaikan perkhidmatan awam yang lebih dekat kepada rakyat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperluaskan Mobile CTC pada 2013 kepada: -</li> <li>Mewujudkan persekitaran seperti karnival di kejiranannya untuk menyebarkan maklumat mengenai dasar kerajaan ke kawasan luar bandar.</li> <li>Mewujudkan gabungan pelbagai agensi kerajaan untuk berkongsi sumber bagi memberi manfaat kepada rakyat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mobile CTC telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 1 Mac 2013</li> <li>Sehingga Oktober 2013: Pelbagai 20 program telah dijalankan melalui program Mobile CTC atau dengan kerjasama acara lain seperti Khidmat Masyarakat dan Karnival Jom Heboh</li> </ul>

### Kesimpulan

CTP telah mendapat maklum balas positif dengan peningkatan jumlah pengguna perkhidmatan UTC, RTC dan Mobile CTC. Perlanjutan waktu operasi oleh UTC telah memudahkan mereka yang berkerja untuk mengakses perkhidmatan tertentu selepas waktu pejabat. Kerajaan akan meneruskan usaha untuk menyediakan perkhidmatan di bawah CTP dan meluaskan ke kawasan lain secara berperingkat. Pada asasnya, CTC bertujuan untuk memberi manfaat kepada masyarakat bandar dan luar bandar, terutamanya untuk mencergaskan semula kawasan luar bandar menjadi kawasan yang produktif dan mampu menjana pendapatan yang lebih tinggi.

## Pengurusan Ekonomi – 2014

Walaupun prospek pertumbuhan ekonomi global lebih baik berikutan perkembangan yang semakin pulih dalam kalangan beberapa negara maju utama, namun masih terdapat risiko kekangan. Antaranya, pertumbuhan perlahan berterusan di China dan penurunan ketara dalam kedudukan mudah tunai global yang mungkin membawa kepada peningkatan kadar faedah. Mengambil kira ketidaktentuan ini, cabaran Malaysia dalam tempoh terdekat adalah untuk meningkatkan lagi daya tahan ekonomi domestik bagi mencapai kadar pertumbuhan yang terus kukuh selain memastikan kemampunan kewangan awam. Oleh itu, pengurusan ekonomi dalam 2014 akan memberi

perhatian kepada mencapai pertumbuhan yang dipacu sektor swasta dan meningkatkan daya tahan domestik menerusi pengukuhan produktiviti dan daya saing ekonomi. Selain itu, Kerajaan akan terus memberi perhatian kepada isu seperti menggalakkan pelaburan berkualiti; meningkatkan rantai nilai; menggalakkan eksport; meningkatkan produktiviti dan inovasi; mengukuhkan modal insan; menambah baik penyampaian perkhidmatan awam dan mengekalkan kemampunan fiskal. Tambahan pula, isu berkaitan seperti kenaikan harga rumah di lokasi yang strategik dan hutang isi rumah yang tinggi serta risiko daya tahan luaran disebabkan oleh lebihan akaun semasa yang mengecil akan ditangani dalam Bajet 2014.

## Isu dan Cabaran

### Pelaburan

Pelaburan swasta merupakan elemen pemangkin penting dalam meningkatkan potensi pengeluaran negara, mempercepatkan kemajuan teknologi dan mewujudkan peluang pekerjaan. Memandangkan hakikat ini, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif bagi merancakkan aktiviti pelaburan swasta dalam ekonomi negara. Usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan telah menghasilkan kesan positif dengan pelaburan awam dalam nilai nominal meningkat kukuh sebanyak 13.1% kepada RM85.7 bilion dalam tempoh separuh pertama 2013 berbanding dengan RM75.8 bilion dalam tempoh yang sama 2012.

Sungguhpun prestasi pelaburan swasta mengalakkannya, sumbangannya kepada KDNK kekal rendah 18.3% dalam tempoh separuh pertama 2013 berbanding paras sebelum Krisis Kewangan Asia 1997/1998. Oleh itu, Kerajaan akan terus memperkuhuh peranan sektor swasta dalam ekonomi, terutamanya dalam bidang pertumbuhan baharu, bernilai tambah tinggi, industri berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi. Langkah ini akan membantu dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Bagi mengukuhkan peranan sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan ekonomi, ia memerlukan komitmen dan kesediaan sektor swasta untuk membuat perbelanjaan pelaburan, terutamanya pelaburan yang memanfaatkan aktiviti inovasi, automasi dan nilai tambah tinggi. Isu lain yang berkaitan dan perlu ditangani adalah untuk meningkatkan daya saing dan sumbangan sektor perkhidmatan yang kini berada pada tahap 55% kepada KDNK dan masih jauh di bawah tahap negara maju iaitu kira-kira 70%. Antara subsektor perkhidmatan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi, termasuk kewangan Islam, pelancongan, pendidikan dan penjagaan kesihatan.

Industri pembuatan, O&G dan asas tani perlu terus membuat pelaburan dalam teknologi dan bidang pertumbuhan baharu serta meningkatkan

rantaian nilai untuk memperkuhuh daya saing. Usaha ini akan memastikan Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk mengambil peluang daripada pasaran global.

### Pengukuhkan Daya Tahan Luaran

Dalam keadaan ekonomi negara yang sangat terbuka sejak dengan peningkatan perdagangan dalam barang dan perkhidmatan, eksport Malaysia terus terdedah kepada ketidaktentuan global. Berikutan penurunan dalam permintaan global ketika ini yang berpunca daripada pemulihan pertumbuhan perlahan dalam ekonomi maju utama dan kelembapan dalam pasaran utama yang berkembang pesat, terutamanya China, kedudukan lebihan dagangan Malaysia telah berkurangan sejak separuh kedua 2012. Perkembangan ini telah memberi kesan kepada lebihan akaun semasa dalamimbangan pembayaran. Untuk mengukuhkan lebihan akaun semasa bagi menyokong rizab asing, dan memastikan kestabilan ringgit serta mengekalkan penarafan kedaulatan Malaysia, pendekatan yang lebih menyeluruh perlu diambil untuk meningkatkan kedudukan luar Malaysia. Pendekatan holistik ini merangkumi strategi seperti menjana pelaburan bernilai tambah tinggi, meningkatkan eksport barang dan perkhidmatan, mempelbagaikan pasaran eksport dan menggiatkan promosi eksport yang lebih agresif, terutamanya kepada ekonomi yang berkembang pesat. Selain itu, pelaksanaan projek yang mempunyai kandungan import yang tinggi dan pengganda yang rendah akan diatur bagi menyokong rizab antarabangsa.

### Modal Insan

Usaha Kerajaan merealisasikan perbelanjaan pelaburan amat bergantung kepada kesediaan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berbakat. Tenaga kerja yang memiliki pengetahuan, kreativiti dan kualiti jati diri bagi memenuhi keperluan industri merupakan prasyarat untuk melaksanakan agenda transformasi negara, terutamanya inisiatif ETP. Pekerja berpengetahuan juga diperlukan bagi menyokong strategi ekonomi Malaysia untuk meningkatkan rantaian nilai yang menyokong dan mempercepat proses transformasi

daripada strategi pertumbuhan berteraskan *input-driven* kepada *productivity-driven*. Kumpulan tenaga kerja yang berkualiti akan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing yang kini merupakan kira-kira 16% daripada jumlah tenaga kerja negara dan kebanyakannya tidak mahir. Dalam usaha untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berbakat, elemen pembangunan modal insan perlu diterapkan dalam keseluruhan spektrum laluan pembelajaran. *Human Capital Report 2013* meletakkan Malaysia di kedudukan ke-22 daripada 122 negara. Dalam kalangan negara berpendapatan menengah atas, Malaysia berada di hadapan China, Thailand, Costa Rica dan Panama, dan kedua selepas Singapura di rantau Asia Tenggara. Pencapaian membanggakan ini diraih dalam dua tonggak, iaitu tenaga kerja dan pekerjaan (ke-18) dan memudahkan persekitaran (ke-22). Walau bagaimanapun, tonggak kepada kualiti pendidikan (ke-34) serta kesihatan dan kesejahteraan (ke-39) perlu dipertingkatkan.

Prestasi di atas mencerminkan isu dan cabaran asas ke atas bidang yang telah dikenal pasti yang perlu ditangani untuk mewujudkan modal insan yang seimbang serta holistik. Isu paling mendesak yang perlu diselesaikan adalah ketidaksepadanan pekerjaan antara penyedia pendidikan dan permintaan industri ke atas tenaga kerja mahir dan berbakat. Selain itu, risikan pasaran perlu dipertingkatkan bagi pembangunan modal insan yang berkesan, termasuk kebolehpasaran graduan. Pada masa ini, dianggarkan 19% daripada graduan pelbagai bidang masih menganggur pada 2012, manakala kira-kira tiga per empat daripada tenaga kerja negara hanya mencapai tahap pendidikan rendah dan menengah. Selain itu, kekurangan graduan sains dan teknikal serta keupayaan untuk menyelesaikan pelbagai masalah kekal sebagai halangan dalam usaha untuk menggalakkan pembangunan industri yang berteraskan kreativiti, inovasi dan nilai tambah tinggi.

Tambahan pula, terdapat ruang untuk penambahbaikan kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir dan kepemimpinan, kefasihan dwibahasa, etika dan

kerohanian. Sementara itu, pencapaian pelajar Malaysia dalam mata pelajaran Matematik dan Sains masih di bawah tahap negara maju dan beberapa negara berpendapatan menengah atas seperti yang ditunjukkan dalam senarai Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS). TIMSS telah menyenaraikan Malaysia di kedudukan ke-57, di belakang Thailand (ke-52) dalam kategori Matematik. Dalam kategori Sains pula, Malaysia menduduki tempat ke-52 (Thailand: ke-51). Oleh itu, isu berkaitan pembangunan modal insan perlu ditangani secara menyeluruh untuk mencapai kualiti pelajar yang terbaik, tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berbakat serta masyarakat berpengetahuan dan seimbang.

### Kesejahteraan Rakyat

Setiap negara berhasrat untuk mencapai pertumbuhan dan pembangunan yang mampan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan mestilah menyeluruh. Ini termasuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas, termasuk jalan akses, bekalan air bersih dan bekalan elektrik 24 jam, terutamanya di kawasan luar bandar begitu juga untuk menangani isu perumahan dan pengangkutan awam di kawasan bandar. Dalam hal ini, usaha berterusan akan diambil bagi mencapai sasaran tujuh bidang NKRA ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Kini, rumah mampu milik kekal menjadi isu utama. Terdapat keperluan untuk rumah kos rendah dan sederhana pada harga yang berpatutan untuk rakyat, termasuk mereka yang memerlukan perhatian khusus, warga emas, ibu tunggal dan penduduk setinggan. Selain itu, projek perumahan terbengkalai dan kurangnya penyelenggaraan rumah pangsa atau pangsapuri perlu ditangani dengan berkesan. Penjagaan kesihatan adalah satu lagi isu yang memerlukan perhatian daripada Kerajaan. Selaras dengan peningkatan NCD yang meluas, terdapat keperluan untuk menyediakan lebih akses kepada perkhidmatan kesihatan yang mencukupi dan berkualiti kepada rakyat.

Kenaikan kos sara hidup merupakan satu kebimbangan bagi kumpulan berpendapatan rendah dan golongan mudah terjejas, terutamanya

peningkatan harga makanan yang lebih tinggi (3.4%) berbanding inflasi keseluruhan (1.7%) dalam tempoh lapan bulan pertama 2013. Peningkatan harga makanan ini memberi kesan kepada isi rumah memandangkan makanan merupakan bahagian terbesar sebanyak 30.3% daripada IHP. Selain itu, harga makanan dan barang keperluan lain lazimnya lebih tinggi di Sabah dan Sarawak berbanding di Semenanjung disebabkan oleh kos penghantaran dan pengagihan yang lebih tinggi. Oleh itu, Kerajaan terus menangani kenaikan kos sara hidup untuk memastikan kesejahteraan rakyat.

Isu alam sekitar seperti pelepasan gas rumah hijau yang tinggi, tanah runtuh, banjir kilat dan hakisan pantai bukan sahaja membawa kepada kemerosotan kesejahteraan rakyat tetapi juga mendedahkan risiko kepada aktiviti ekonomi dan masyarakat perniagaan. Rakyat juga inginkan persekitaran yang aman dan harmoni untuk menjadi lebih produktif dalam kehidupan harian mereka. Pada masa yang sama, terdapat keperluan untuk rakyat dilindungi daripada jenayah untuk menjamin keselamatan mereka serta menghalang ancaman pencerobohan demi kedaulatan negara.

Pengagihankekayaan yang saksama merupakan isu yang perlu diberi perhatian dalam memastikan manfaat daripada pertumbuhan dan pembangunan dapat dinikmati bersama semua lapisan masyarakat dan merentasi seluruh wilayah. Walaupun purata pendapatan isi rumah meningkat dengan ketara daripada RM4,025 pada 2009 kepada RM5,000 pada 2012, hanya terdapat perubahan kecil pekali Gini daripada 0.441 kepada 0.431 dalam tempoh yang sama. Pada masa yang sama, nisbah jurang pendapatan di antara luar bandar dan bandar menunjukkan pendapatan penduduk bandar secara relatifnya lebih tinggi pada nisbah 1:1.86 pada 2012. Pada peringkat wilayah pula, nisbah jurang di antara nasional dan wilayah di Sabah adalah sebanyak 1:0.82 dan Sarawak (1:0.86), secara relatifnya lebih rendah berbanding Semenanjung (1:1.03).

Kadar kemiskinan mengikut kumpulan etnik pula menunjukkan paras tertinggi bagi Bumiputera sebanyak 2.2%, diikuti oleh India 1.8% dan Cina

0.3%, berbanding purata nasional pada 1.7%. Dari segi pemilikan ekuiti, Bumiputera yang ketika ini mencakupi 67.9% daripada jumlah penduduk hanya memiliki 23.5% ekuiti korporat pada 2011 iaitu masih jauh daripada 30% sasaran nasional. Oleh itu, usaha yang lebih gigih diperlukan bagi memperbaiki jurang ketidaksamaan dan pengagihan kekayaan, melalui pertumbuhan yang menjurus kepada pencapaian matlamat yang menjamin keharmonian, perpaduan dan kestabilan serta keseimbangan inklusif wilayah.

### **Kewangan Awam**

Isu dalam pengurusan kewangan awam berkisar mengenai keperluan untuk mengawal perbelanjaan mengurus dan asas hasil yang kecil, berikutan kebergantungan tinggi kepada hasil berkaitan minyak. Hampir 70% daripada perbelanjaan mengurus adalah terikat, justeru, memberi ruang yang kecil untuk melakukan pengurangan ke atas perbelanjaan bukan kritikal. Tambahan pula, subsidi bahan api tidak disasarkan dengan baik. Perbelanjaan pembangunan juga perlu lebih produktif untuk menjana potensi pertumbuhan ekonomi. Dari aspek hasil, asas cukai masih sempit, hanya 15% syarikat yang berdaftar dan 16% pekerja yang membayar cukai pendapatan. Selain itu, sumber utama kutipan hasil, iaitu hasil berkaitan minyak lebih cenderung kepada ketidaktentuan dan kurang stabil yang mana terdedah kepada turun naik harga minyak mentah mengikut permintaan luar. Secara keseluruhannya, hasil berkaitan minyak menyumbang 31% daripada jumlah hasil.

### **Penyampaian Perkhidmatan Awam**

Program transformasi yang sedang dijalankan termasuk GTP dan ETP telah membantu memperbaiki kedudukan daya saing negara. Pencapaian ini berdasarkan laporan terkini *Institute of Management and Development* (IMD) yang menunjukkan Malaysia berada pada kedudukan ke-15. Indeks daya saing tersebut menunjukkan tiga pencapaian utama negara, iaitu dalam kecekapan perniagaan pada kedudukan ke-4, prestasi ekonomi (ke-7) dan kecekapan kerajaan (ke-15).

Walau bagaimanapun, beberapa aspek masih memerlukan perhatian, terutamanya kesihatan dan persekitaran yang berada pada kedudukan ke-42, pendidikan (ke-34), infrastruktur (ke-25) dan produktiviti (ke-22). Indeks ini memberi isyarat jelas tentang pentingnya memperbaiki dan memastikan piawaian perkhidmatan utama berada pada tahap yang tinggi. Bagi mencapai matlamat yang didorong oleh prestasi, sektor awam perlu berpandukan kepada proses membuat keputusan yang telus dan berintegriti. Keupayaan dan kepakaran institusi dalam mengurus kemudahan dan infrastruktur awam yang kritikal boleh ditingkatkan melalui amalan terbaik serta dasar dan perkhidmatan bersepadu selaras dengan gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

## Inisiatif Strategik – Bajet 2014

Pengurusan isu makroekonomi adalah sangat penting dalam merealisasikan matlamat keseluruhan agenda pembangunan negara yang memberi tumpuan kepada dua teras utama, iaitu pertumbuhan negara dan kesejahteraan rakyat. Bajet ini akan menggunakan lima strategi utama untuk menangani isu-isu semasa yang berkaitan iaitu: merancakkan pelaburan; mengukuhkan modal insan; mempergiatkan pembangunan bandar dan luar bandar, mengutamakan kesejahteraan rakyat; dan mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan dengan menyemai budaya prestasi tinggi dalam perkhidmatan awam. Bagi menjayakan strategi ini, usaha menyeluruh perlu diberi penekanan dalam mentransformasi dan menyusun semula struktur ekonomi semasa ke arah pertumbuhan yang kukuh, seimbang dan menyeluruh. Komitmen dan kerjasama yang erat daripada semua pihak berkepentingan, iaitu rakyat, komuniti perniagaan dan Kerajaan adalah penting dalam membina sebuah negara yang dinamik dan progresif. Keadaan ini boleh dicapai melalui peningkatan produktiviti dan inovasi serta pengurusan strategik global untuk memanfaatkan daya saing dalam menghadapi persekitaran luaran yang tidak menentu dan mencabar. Bajet 2014 akan memberi penekanan kepada langkah untuk mempercepat program transformasi

negara melalui pendekatan meluas dan pelbagai dimensi yang membawa kepada pertumbuhan potensi yang lebih tinggi untuk memenuhi aspirasi menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

### Merancakkan Pelaburan

Walaupun kegiatan keseluruhan pelaburan, terutamanya oleh sektor swasta berkembang pesat sejak empat tahun yang lalu, negara masih memerlukan pelaburan yang tinggi untuk meningkatkan potensi pengeluaran serta menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan, khususnya dalam aktiviti nilai tambah tinggi, industri berintensifkan pengetahuan dan teknologi termaju. Usaha akan dirancakkan dalam aktiviti pelaburan yang menghasilkan pulangan yang besar melalui projek berimpak tinggi, termasuk MRT, RAPID, KLIA2, Pelabuhan Kuantan dan projek ETP lain serta pembangunan koridor wilayah. Dalam hal ini, lebih banyak aktiviti pelaburan perlu dipertingkatkan dalam semua sektor ekonomi, terutamanya sektor perkhidmatan. Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan yang merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi akan dilengkapkan dengan peningkatan kelebihan daya saing subsektor perkhidmatan. Selain itu, aktiviti pelaburan PKS akan diberi penekanan, terutamanya dalam meningkatkan penyertaan program keusahawanan. Aktiviti pelaburan dalam industri berorientasi eksport akan terus digalakkan bagi meningkatkan daya tahan sektor luaran. usaha ini juga akan dapat menangani lebih akaun semasa yang mengecil dalam BOP.

Kerajaan akan berusaha gigih menggalakkan pelaburan dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor kewangan dan berkaitan perdagangan serta industri pelancongan, penjagaan kesihatan dan pendidikan. Dalam hal ini, Bajet 2014 memberi tumpuan kepada aktiviti perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan termasuk logistik yang digariskan dalam Rangka Tindakan Sektor Perkhidmatan. Bagi sektor kewangan dan berkaitan perdagangan, usaha ditumpukan kepada menambah kedalaman dan keluasan pasaran kewangan dan modal domestik dengan mempromosi Malaysia sebagai pusat originaliti serta penggerak utama serantau dalam

kewangan Islam, selari dengan teras Rangka Tindakan Sektor Kewangan. Beberapa inisiatif telah diambil untuk mengembangkan produk dan keupayaan kewangan, terutamanya dalam bidang pengurusan risiko, pasaran derivatif serta meluaskan pembangunan aktiviti kewangan Islam.

Dalam industri pelancongan, langkah akan diambil untuk menarik lebih ramai pelancong melalui kempen dan aktiviti promosi istimewa termasuk ekopelancongan, pelancongan pendidikan dan kesihatan, bersempena dengan TMM 2014. Sektor kesihatan terutamanya industri pelancongan perubatan menyumbang pendapatan sebanyak RM600 juta pada 2012 dengan pertumbuhan melebihi 20%. Pertumbuhan yang kukuh ini boleh ditingkatkan dengan mengeksplorasi kekayaan sumber asli terutamanya bagi tujuan perubatan. Ini akan menjadikan Malaysia sebagai penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan serantau. Sementara itu, pelaburan dalam sektor pendidikan adalah perlu untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan dan memastikan program yang ditawarkan oleh institusi pendidikan awam dan swasta memenuhi tahap piawaian antarabangsa. Dalam industri penerbangan, aktiviti pelaburan akan ditambah baik untuk memudahkan pengembangan dalam aktiviti perdagangan dan perkhidmatan. KLIA2 yang beroperasi pada 2014 bersama-sama dengan KLIA sedia ada akan memberi sinergi yang lebih baik dalam mengoptimumkan kemudahan lapangan terbang yang berpotensi untuk meningkatkan kekerapan pendaratan dan penerbangan serta mengurangkan *airplane turn-around time*. Sinergi ini juga akan mewujudkan peluang yang besar bagi perkhidmatan logistik, termasuk katering dan perkhidmatan kargo, serta penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO), sekali gus menjana ekonomi berbidang besar dalam industri penerbangan.

Aktiviti pelaburan dalam industri O&G, pembuatan dan asas tani akan dirancakkan lagi. Aktiviti pelaburan domestik utama sektor O&G dijangka tertumpu dalam bidang penerokaan dan pembangunan medan serta projek petrokimia. Antara aktiviti tersebut termasuk aktiviti projek PETRONAS seperti *Floating Liquefied Natural*

*Gas, Gas Processing Plant Rejuvenation and Revamp, Sabah Ammonia-Urea (SAMUR) dan RAPID*. Bagi industri pembuatan dan asas tani, pembangunan di kawasan koridor ekonomi yang menggunakan kaedah pengeluaran berskala besar terus diberi tumpuan. Langkah ini dapat membantu pengusaha dalam industri tersebut ke tahap global. Selain itu, PKS, terutamanya perusahaan mikro, akan diberi lebih perhatian untuk meningkatkan sumbangan mereka kepada ekonomi melalui galakan inovasi dan penglibatan lebih besar dalam rantai bekalan global. Dalam sektor pertanian, selain daripada produk komoditi, pelbagai inisiatif dalam pengeluaran makanan akan digalakkan bagi mencapai tahap sara diri manakala lebihan dalam pengeluaran untuk dieksport. Kegiatan sektor ini, termasuk buah-buahan, rumpai laut, ikan hiasan dan bunga-bungaan.

Selari dengan perkembangan ini, Sidang Kemuncak Keusahawanan Global (GES) ke-4 di Kuala Lumpur baru-baru ini menyediakan platform strategik kepada usahawan muda untuk belajar, membina rangkaian dan menjalin kerjasama perniagaan dengan usahawan global. Dalam hal ini, usaha yang lebih gigih turut ditumpukan untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah negara berkeusahawanan. Pelbagai program akan dilaksanakan termasuk Usahawan 1Malaysia (1MeT) untuk memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan rakyat, terutamanya generasi muda.

### Pengukuhan Kedudukan Fiskal Kerajaan

Pengurangan defisit dan pengurusan hutang secara berhemat menggambarkan pengurusan ekonomi dan pembaharuan fiskal yang teratur. Walaupun berhadapan dengan cabaran persekitaran luaran yang berterusan, Kerajaan akan terus mengukuhkan kedudukan fiskal secara terancang untuk memastikan momentum pertumbuhan tidak terjejas.

FPC akan mengukuhkan kepercayaan terhadap dasar fiskal yang digubal dan meluaskan penerimaan dasar tersebut di sektor awam. FPC akan menentukan prinsip dasar fiskal yang baik yang akan menjadi panduan dalam pelaksanaan strategi untuk mengukuhkan

kewangan sektor awam dan disiplin fiskal dalam operasi Kerajaan. Inisiatif bagi memastikan kemampunan fiskal dalam jangka panjang meliputi pengurusan belanjawan, pentadbiran cukai, pengurusan hutang dan penilaian risiko fiskal. Keputusan FPC akan dihebahkan kepada rakyat dengan jelas bagi meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan serta menambahkan keyakinan pelabur.

Pengurusan fiskal akan ditambah baik melalui pelbagai inisiatif. Perbelanjaan Kerajaan akan diteliti dengan lebih rapi untuk memastikan nilai wang setimpal. Kualiti dan striktur pentadbiran dalam institusi fiskal akan ditambah baik. Sementara itu, penemuan dan cadangan Ketua Audit Negara akan diambil kira dalam prosedur pentadbiran dan kawalan dalaman agensi Kerajaan diperkuuhkan. Peraturan akan sentiasa dikemas kini supaya lebih relevan, manakala tindakan diambil terhadap salah laku penjawat awam yang melakukan pembaziran atau kecuaian. Langkah pengurangan kos akan dilaksanakan tanpa menjaskan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan. Langkah ini termasuk penempatan semula kakitangan, kerjasama antara agensi yang lebih erat bagi memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan pemantauan rapi ke atas pelaksanaan projek bagi mengelakkan pertambahan kos. Dari aspek kutipan hasil, kajian menyeluruh keatas sistem percukaian akan dilaksanakan. Sementara itu, penambahbaikan yang berterusan akan dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran cukai melalui program bina upaya, penggunaan ICT yang lebih meluas dan penglibatan secara aktif dengan pihak berkepentingan.

Selari dengan inisiatif fiskal Kerajaan, program transformasi sektor awam yang utama akan dirangsang untuk mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Selain itu, urus tadbir yang baik akan diperkuuh untuk mendokong ketelusan dan integriti yang tinggi. Semua faktor ini akan menjadi pemangkin untuk sektor awam bergerak dari pendekatan berorientasikan input kepada kerangka kerja berasaskan outcome and berupaya menjana nilai tambah kepada ekonomi serta memenuhi

kesejahteraan rakyat. Program transformasi ini kini dipelopori oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Perancangan program untuk rakyat di bawah kerangka kerja Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) akan memberi kesan yang besar dari segi kemampunan, kepantas, penjimatan kos dan berimpak tinggi. Pendekatan ini kini diguna menerusi pelaksanaan beberapa program termasuk UTC, RTC dan CTC Bergerak.

### **Pengukuhkan Modal Insan**

Beberapa langkah akan diperkenalkan bagi mengukuhkan modal insan, bermula daripada peringkat pra-sekolah hingga ke pengajian tinggi serta pembelajaran sepanjang hayat. Walaupun pencapaian akademik kebiasaannya diberi keutamaan, kesedaran perlu dipertingkatkan mengenai kepentingan pendidikan teknikal dan vokasional yang mempunyai permintaan tinggi daripada industri.

Bajet 2014 akan mengambil kira Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 untuk menjalankan program dan aktiviti pendidikan secara berkesan dan cekap yang setanding dengan tahap piawaian antarabangsa. Pelan ini menyasarkan pelajar untuk berkongsi nilai dan pengalaman terbaik dengan menghayati kepelbagaiannya dan memaksimumkan potensi diri serta mencapai *outcome* berdasarkan bajet yang disediakan. Selari dengan langkah ini, guru yang mempunyai kompetensi yang berkualiti dan keupayaan menjadi model ikutan akan diberi keutamaan untuk pembangunan kerjaya yang lebih terjamin dan dihormati oleh masyarakat. Dalam pembelajaran sepanjang hayat, peluang disediakan untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja dengan pelbagai tugas dan berpengetahuan baru untuk menjadi pekerja yang lebih bernilai dan sempurna.

Memandangkan kebanyakan peralatan dan kemudahan di institusi teknikal dan pusat latihan kemahiran yang agak usang, terdapat keperluan untuk menaik taraf kemudahan dan peralatan supaya seiring dengan kemajuan teknologi yang pantas berubah. Pada masa yang sama, terdapat keperluan untuk mengkaji kurikulum latihan bagi

melengkapkan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan yang lebih tinggi untuk memudahkan pasaran pekerjaan.

### **Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat**

Program dan aktiviti sosio-ekonomi yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat akan terus menjadi strategi penting dalam Bajet 2014. Hasil pembangunan negara perlu dikongsi bersama oleh semua lapisan masyarakat, terutamanya kumpulan berpendapatan rendah dan mudah terjejas. Dalam melaksanakan agenda nasional dengan hasrat untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi, sumber negara perlu digembung secara berkesan untuk memenuhi harapan rakyat. Harapan ini, terutamanya meliputi usaha menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas, membina rumah mampu milik, mengurangkan kos sara hidup, memperbaiki penjagaan kesihatan dan menyediakan persekitaran berkualiti serta memastikan keamanan dan keselamatan.

Bajet 2014 juga memberi perhatian kepada penyediaan bekalan makanan mencukupi dan berkualiti, sistem pengangkutan yang cekap dan liputan komunikasi yang terbaik serta sokongan jaringan keselamatan sosial. Infrastruktur asas akan ditambah baik, terutamanya jalan luar bandar akan dibina dan dinaik taraf bagi memudahkan aktiviti ekonomi penduduk luar bandar. Selain itu, pembinaan Lebuhraya Pan Borneo akan dirancakkan untuk manfaat rakyat Sabah dan Sarawak. Langkah lain, termasuk menyediakan bekalan air bersih dan mewujudkan kesedaran menerusi pendidikan mengenai teknik penakungan air hujan, terutamanya untuk rakyat di kawasan pedalaman. Program kesedaran ini juga termasuk memberi panduan pengendalian pusat talian dan perkhidmatan ICT untuk mempertingkatkan aktiviti sosio-ekonomi di kawasan luar bandar.

Dalam menyediakan rumah berkualiti dan mampu milik, inisiatif akan disediakan untuk membina lebih banyak rumah berharga dalam lingkungan RM100,000 sehingga RM400,000 seunit serta rumah pangsa kos rendah. Begitu juga, dengan

peningkatan harga rumah yang melampaui tahap mampu milik kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana di kawasan bandar utama, terdapat keperluan untuk mengurangkan aktiviti spekulasi dalam sektor harta tanah. Pada masa yang sama, dengan kenaikan kos perkhidmatan penjagaan kesihatan dan insiden NCD, perkhidmatan lebih berkualiti akan diberi perhatian termasuk memperbaiki latihan dan pembangunan modal insan, menaik taraf klinik desa dan meluaskan klinik 1Malaysia serta membaik pulih kemudahan hospital. Bagi menangani kenaikan kos barang makanan, terutamanya di Sabah dan Sarawak, program penyeragaman harga dan langkah untuk meningkatkan pengeluaran makanan di wilayah tersebut akan diteruskan.

Berhubung dengan jaringan keselamatan sosial, terutamanya bagi kumpulan mudah terjejas, agihan BR1M akan diteruskan untuk isi rumah dan individu bujang. Selain itu, bantuan termasuk biasiswa dan buku akan juga diberikan kepada pelbagai kumpulan pelajar. Tambahan pula, program dan bantuan kebijakan sedia ada akan diteruskan untuk kumpulan yang tidak bernasib baik dan kelainan upaya meliputi ibu tunggal dan kanak-kanak.

Persekitaran yang berkualiti adalah penting bagi memastikan kesejahteraan rakyat. Keadaan ini adalah selari dengan komitmen dalam piawaian organisasi antarabangsa seperti tebatan banjir, tanah runtuhan dan hakisan pantai serta menggalakkan program MYCarbon. Selain itu, Kerajaan tidak akan berkompromi dengan masalah keamanan dan keselamatan bagi memastikan keharmonian dan kesejahteraan kehidupan masyarakat dan negara. Dalam hal ini, langkah akan diambil untuk menyediakan kemudahan dan peralatan yang lebih baik serta meningkatkan kemahiran dan kepakaran untuk polis dan tentera. Tambahan pula, bagi melindungi kedaulatan negara, Eastern Sabah Security Command (ESSCOM), akan terus diberi keutamaan untuk mengukuhkan keselamatan sempadan.

Bajet 2014 juga akan memperkenalkan langkah untuk memastikan keseimbangan antara wilayah bagi pertumbuhan inklusif serta merapatkan

## Memperkuuh Keselamatan Sempadan

Malaysia, sebuah negara dengan sempadan panjang dan senang dimasuki amat terdedah kepada risiko pencerobohan. Keperluan untuk meningkatkan keselamatan sempadan telah menjadi semakin kritikal disebabkan oleh pencerobohan bersenjata kaum Sulu yang menyalahi undang-undang di Lahad Datu, Sabah pada awal 2013.

- Pencerobohan ini mengganggu aktiviti ekonomi terutamanya pengeluaran minyak sawit di Felda Sahabat, pelancongan di Pulau Sipadan dan aktiviti menangkap ikan serta keselamatan dan aktiviti sosial. Tambahan lagi, terminal regasifikasi LNG Petronas juga boleh dijadikan sasaran oleh penganas.
- Berikutan gangguan tersebut, Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada 7 Mac 2013 untuk memperkuuh keselamatan darat dan perairan di sebelah timur Sabah. ESSCOM bertujuan untuk mencegah kegiatan penganas di perairan Sabah dan memastikan bahawa perdagangan dan aktiviti perniagaan tidak terjejas.
- Dalam menangani ancaman keselamatan negara khususnya di Lahad Datu, sejumlah RM200 juta telah diperuntukkan untuk memperkuuh keselamatan sempadan. Oleh itu, ancaman keselamatan di Lahad Datu telah berjaya ditangani.
- Lanjutan daripada itu, pengeluaran minyak sawit, aktiviti menangkap ikan dan pelaburan AS dalam penternakan udang galah telah kembali pulih di Lahad Datu dan bilangan kedatangan pelancong telah meningkat manakala projek di kawasan berdekatan seperti pembinaan terminal regasifikasi LNG Petronas kembali beroperasi seperti biasa.
- Oleh itu, dengan tertubuhnya ESSCOM, sempadan di sebelah timur Sabah akan dijaga baik dan keselamatan dapat dipulihkan. Semua usaha ini akan memastikan aktiviti perdagangan dan perniagaan terus berkembang dan meningkatkan dengan penuh keyakinan. Selain itu, kedaulatan negara terus dipelihara dan dilindungi.

Sumber: Eastern Sabah Security Command (ESSCOM).

jurang pendapatan yang dapat mengelakkan segmen tertentu terpinggir daripada arus perdana pembangunan negara. Rakyat yang sejahtera adalah penting untuk keamanan dan kestabilan jangka panjang.

## Prospek 2014

Kedudukan asas ekonomi Malaysia yang semakin kukuh akan terus menyokong pertumbuhan. Sejajar dengan persekitaran luaran yang lebih baik dan langkah Bajet 2014 yang menyeluruh untuk memperkuuh lagi ekonomi, KDNK benar dianggar berkembang pada kadar 5% – 5.5%. Permintaan domestik dijangka kekal teguh dan terus menjadi pemacu pertumbuhan.

Pelaburan swasta dijangka terus mencatatkan pertumbuhan dua angka disokong oleh kemajuan pesat projek ETP yang sedang dilaksanakan. Berdasarkan prospek luaran yang lebih baik dan langkah yang digariskan dalam Bajet 2014 untuk merancakkan eksport, pelaburan dalam industri pembuatan berorientasikan eksport dan perkhidmatan serta industri berdasarkan pertanian dijangka meningkat. Begitu juga dengan pelaburan awam yang sebahagian besarnya disokong oleh perbelanjaan modal Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dalam O&G, utiliti, pengangkutan dan telekomunikasi. Penggunaan swasta akan terus berdaya tahan disokong oleh pendapatan isi rumah yang lebih tinggi dan keadaan pasaran buruh yang stabil.

Dari segi penawaran, pertumbuhan akan didorong oleh pengembangan menyeluruh dalam semua sektor utama. Sektor perkhidmatan dan pembuatan dijangka berkembang dengan kekuatan daya tahan penggunaan domestik dan peningkatan ketibaan pelancong sempena TMM 2014 serta pemulihian yang lebih kukuh dalam permintaan luaran terhadap barang-barangan perkilangan, terutamanya barang E&E. Prestasi kukuh sektor pembinaan dijangka berterusan, sebahagian besarnya disokong oleh segmen kejuruteraan awam dan kediaman. Pertumbuhan dalam sektor pertanian dan perlombongan dijangka terus berkembang dan disokong oleh pengeluaran lebih tinggi minyak sawit dan minyak mentah.

Inflasi dijangka kekal terkawal dengan IHP antara 2% – 3% pada 2014. Unjuran ini mengambil kira kesan perubahan harga bahan api pada September 2013 serta harga komoditi dan makanan yang secara umumnya stabil. Keadaan pasaran buruh dijangka stabil dengan kadar pengangguran kekal rendah pada 3.1%. Guna

tenaga dalam industri berorientasikan eksport serta subsektor perdagangan dan berkaitan pelancongan akan menerima faedah daripada peningkatan permintaan luaran dan ketibaan pelancong.

Daripada aspek fiskal, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dijangka kekal stabil pada RM262.2 bilion, manakala kutipan hasil dianggar mencatatkan peningkatan pada RM224.1 bilion. Berikutan pertumbuhan kutipan hasil melebihi pertumbuhan perbelanjaan, defisit fiskal dan hutang Kerajaan Persekutuan akan berkurang kepada 3.5% dan 54.7% daripada KDNK. Dari segi sektor luar, imbangan akaun semasa dijangka kekal mencatatkan lebihan sebanyak RM23.9 bilion, walaupun pelaburan berdasarkan import terus meningkat.

Berdasarkan kedudukan ini, Pendapatan Negara Kasar nominal per kapita dijangka meningkat 6.2% daripada RM32,144 kepada RM34,126. Dari sudut pariti kuasa beli, pendapatan per kapita dijangka meningkat daripada USD16,743 kepada USD17,173 dalam tempoh yang sama.